



KEMENTERIAN PENDIDIKAN TINGGI
JABATAN PENDIDIKAN POLITEKNIK DAN KOLEJ KOMUNITI

KAMUS KPI POLYCC 2025

**JABATAN PENDIDIKAN POLITEKNIK
DAN KOLEJ KOMUNITI**

Kementerian Pendidikan Tinggi,
Galeria PjH, Jalan P4W,
Persiaran Perdana, Presint 4,
62100 W.P. Putrajaya.

Tel.: 03 8888 2250

Fax.: 03 8888 7211



POLYCC Performance System 2.0
<https://app.mypolycc.edu.my/persistjppkk>

**KAMUS
PETUNJUK PRESTASI UTAMA (KPI)
POLITEKNIK DAN KOLEJ KOMUNITI (POLYCC)
2025**

Bahagian Governan dan Kecemerlangan
Jabatan Pendidikan Politeknik dan Kolej Komuniti
Kementerian Pendidikan Tinggi

Aras 7, Galeria PjH, Jalan P4W,
Persiaran Perdana, Presint 4,
62100 W.P. Putrajaya.
Tel.: 03 8888 2250
Fax.: 03 8888 7211

Edisi Pertama 2024

Diterbitkan oleh:
Bahagian Governan dan Kecemerlangan
Jabatan Pendidikan Politeknik dan Kolej Komuniti
Kementerian Pendidikan Tinggi
Aras 7, Galeria Pjh, Jalan P4W,
Persiaran Perdana Presint 4,
62100 W.P. Putrajaya.
Tel.: 0388882250 | Faks.: 0388887211
www.mypolycc.edu.my

© 2024 Jabatan Pendidikan Politeknik dan Kolej Komuniti

Hak cipta terpelihara. Tiada bahagian daripada terbitan ini boleh diterbitkan semula, disimpan untuk pengeluaran atau ditukarkan ke dalam sebarang bentuk atau dengan sebarang alat, sama ada dengan cara elektronik, gambar dan rakaman serta sebagainya tanpa kebenaran bertulis daripada Jabatan Pendidikan Politeknik dan Kolej Komuniti, Kementerian Pendidikan Tinggi terlebih dahulu.

ISI KANDUNGAN

Visi dan Misi	01
Carta Organisasi	02
Pernyataan KPI POLYCC 2025	03
Garis Masa Pengisian Data	06
Peranan Pegawai	07
Kategori Institusi	08
Ringkasan Eksekutif	10
KPI 1: Kebolehpasaran graduan	11
KPI 2: Keusahawanan	14
KPI 3: Pembangunan pelajar	17
KPI 4: Kejayaan pelajar	22
KPI 5: Pengiktirafan	26
KPI 6: Kelestarian tadbir urus	30
KPI 7: Kualiti data POLYCC	33
KPI 8: Hebahan media sosial	36
KPI 9: Skor Centre of Technology (COT)	40
KPI 10: Skor Industry on Campus (IOC)	43
KPI 11: Pendaftaran pelajar	45
KPI 12: Prestasi perbelanjaan mengurus	48
KPI 13: Prestasi pembayaran bil	50
KPI 14: Pensyarah memiliki kemahiran industri	52
KPI 15: Bahan pembelajaran digital	54
KPI 16: Kolaborasi berimpak tinggi	58
KPI 17: Penerbitan penyelidikan	64
KPI 18: Produk inovasi	67
KPI 19: PSH	70
Wajaran	74
Sidang Redaksi	75
Penghargaan	76

VISI

“Menjadi peneraju
institusi

TVET
yang unggul.”

MISI

01 Menyediakan akses yang meluas kepada program TVET berkualiti dan diiktiraf.

02 Memperkasa komuniti melalui pembelajaran sepanjang hayat.

03 Melahirkan graduan holistik, berciri keusahawanan dan seimbang.

04 Memanfaatkan sepenuhnya perkongsian pintar dengan pihak berkepentingan.


PELAN STRATEGIK JPPKK 2018 - 2025

7 TERAS STRATEGIK

19 KPI POLYCC DILAKSANAKAN PADA TAHUN 2025

CARTA ORGANISASI

KETUA PENGARAH



PERNYATAAN KPI

KPI 1	Peratus kebolehpasaran graduan politeknik dan kolej komuniti. Pemilik Proses: Nur Sabrina binti Mohd Tahar (BKIK)	Pelaporan: Tahunan
KPI 2	Peratus graduan yang menceburi bidang keusahawanan atau bekerja sendiri. Pemilik Proses: Ts. Nor Isman bin Hassan (BAPP)	Pelaporan: Sukuan
KPI 3	Bilangan program pembangunan pelajar berciri holistik. Pemilik Proses: Shamsanirul Nizam bin Ismail (BAPP)	Pelaporan: Sukuan
KPI 4	Bilangan pelajar yang berjaya ke peringkat kebangsaan atau antarabangsa. Pemilik Proses: Madihah binti Paiizi (BAPP)	Pelaporan: Sukuan
KPI 5	Bilangan pengiktirafan daripada badan/agensi di peringkat kebangsaan atau antarabangsa. Pemilik Proses: Nik Afiqah binti Kamil (BGK)	Pelaporan: Sukuan
KPI 6	Bilangan program ke arah kelestarian tadbir urus institusi. Pemilik Proses: Haryaty Sua Liya binti Sukimin (BGK)	Pelaporan: Sukuan
KPI 7	Skor kualiti data POLYCC. Pemilik Proses: Nurain binti Mohamad Izzuan Wong (BK TVET)	Pelaporan: Tahunan
KPI 8	Bilangan program/aktiviti yang dihebahkan melalui media sosial institusi pada tahun semasa. Pemilik Proses: Iza Kasmiza binti Kasmijan (UKK)	Pelaporan: Sukuan



PERNYATAAN KPI

Pelaporan: Tahunan

KPI 9 Skor prestasi pencapaian Centre Of Technology (COT).

Pemilik Proses: Muhamad Ali bin Romizan (BPPI)

Pelaporan: Tahunan

KPI 10 Skor prestasi pencapaian Industry On Campus (IOC).

Pemilik Proses: Azwansyah bin Zulkifli (BPPI)

Pelaporan: Tahunan

KPI 11 Peratus pelajar mendaftar di politeknik dan kolej komuniti berdasarkan norma.

Pemilik Proses: Khalsa Afariza binti Mohd. Apami@Mohd. Affami (BAPP)

Pelaporan: Tahunan

KPI 12 Peratus prestasi perbelanjaan mengurus (B64).

Pemilik Proses: Nor Akmaliah binti Mohd Zain (BKP)



Pelaporan: Tahunan

KPI 13 Peratus prestasi pengurusan pembayaran bil dan tuntutan dalam tempoh tujuh (7) hari selepas dokumen lengkap diterima.

Pemilik Proses: Wan Hartiny binti Wan Abdul (BKP)



Pelaporan: Sukuan

KPI 14 Peratus pensyarah bagi kursus teras bidang di institusi memiliki kemahiran industri pada tahun semasa.

Pemilik Proses: Muhammad Kamil Jazli bin Abd Wahab (BKPK)

Pelaporan: Sukuan

KPI 15 Bilangan bahan dan platform pembelajaran digital berteraskan imersif dan AI yang dihasilkan oleh politeknik dan kolej komuniti.

Pemilik Proses: Mohd Ghanim bin Ghazali (BIPD)

Pelaporan: Sukuan

KPI 16 Bilangan industri yang bekerjasama dengan institusi bagi menghasilkan kolaborasi berimpak tinggi.

Pemilik Proses: Norazmira binti Zainuddin (BKIK)

PERNYATAAN KPI

Pelaporan: Sukuan

KPI 17

Bilangan penerbitan penyelidikan oleh warga politeknik dan kolej komuniti pada tahun semasa.

Pemilik Proses: Zaifah binti Che Wil (PPI)

Pelaporan: Sukuan

KPI 18

Bilangan produk inovasi yang diaplikasikan pada tahun semasa.

Pemilik Proses: Dr. Anwar bin Hamid @ Pa (PPI)

Pelaporan: Sukuan

KPI 19

Bilangan penyertaan Program Pembelajaran Sepanjang Hayat pada tahun semasa.

Pemilik Proses: Firdaus bin Hassan & Halida binti Mohd Zahari (BKIK)




Petunjuk:




Data pencapaian KPI dimuat naik ke dalam Sistem PERSIST 2.0 oleh Pemilik Proses.

GARIS MASA PENGISIAN DATA

Tarikh Tutup Pengisian Data



PERANAN PEGAWAI



- ▶ Unit Kecemerlangan Institusi (UKI) berfungsi sebagai penyelaras bagi penetapan, pemantauan dan pelaporan pencapaian KPI POLYCC.
- ▶ Penetapan KPI ini diterjemahkan di dalam Sistem PERSIST 2.0 yang mengandungi sasaran, pengisian data pencapaian oleh Penyelaras KPI POLYCC dan Pemilik Proses di JPPKK.
- ▶ Pemilik Proses bertanggungjawab melaksanakan validasi data pencapaian institusi melalui Sistem PERSIST 2.0.
- ▶ Peranan pegawai bertanggungjawab bagi setiap KPI di POLYCC adalah seperti berikut:
 - memastikan pelaksanaan KPI mengikut perancangan Pemilik Proses di jabatan dan penetapan di dalam Kamus KPI POLYCC; dan
 - menyerahkan data pencapaian mengikut KPI masing-masing kepada Penyelaras KPI.
- ▶ Penyelaras KPI perlu mendapatkan data pencapaian daripada Pegawai Bertanggungjawab di POLYCC dan mengunci masuk ke dalam Sistem PERSIST 2.0.

KATEGORI INSTITUSI

► POLITEKNIK

POLITEKNIK APEX

Ungku Omar (PUO)

POLITEKNIK PREMIER

1. Ibrahim Sultan (PIS)
2. Kota Bharu (PKB)
3. Kuching Sarawak (PKS)
4. Port Dickson (PPD)
5. Sultan Abdul Halim Mu'adzam Shah (POLIMAS)
6. Sultan Haji Ahmad Shah (POLISAS)
7. Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah (PSA)

POLITEKNIK KLUSTER 1

1. Balik Pulau (PBU)
2. Kota Kinabalu (PKK)
3. Merlimau Melaka (PMM)
4. Muadzam Shah (PMS)
5. Mukah (PMU)
6. Seberang Perai (PSP)
7. Sultan Azlan Shah (PSAS)
8. Sultan Idris Shah (PSIS)
9. Sultan Mizan Zainal Abidin (PSMZA)
10. Tuanku Sultanah Bahiyah (PTSB)
11. Tuanku Syed Sirajuddin (PTSS)

POLITEKNIK KLUSTER 2

1. Bagan Datuk (PBD)
2. Banting Selangor (PBS)
3. Besut Terengganu (PBT)
4. Hulu Terengganu (PHT)
5. Jeli Kelantan (PJK)
6. Kuala Terengganu (PKT)
7. Melaka (PMK)
8. Mersing Johor (PMJ)
9. Nilai (PNS)
10. Sandakan Sabah (PSS)
11. Tawau Sabah (PTS)
12. Tun Syed Nasir Syed Ismail (PTSN)

POLITEKNIK METrO

1. Betong Sarawak (PMBS)
2. Johor Bahru (PMJB)
3. Kuala Lumpur (PMKL)
4. Kuantan (PMKU)
5. Tasek Gelugor (PMTG)

KATEGORI INSTITUSI

► KOLEJ KOMUNITI

KOLEJ KOMUNITI KLUSTER 1

1. Arau
 - i. Caw. Kangar
2. Bandar Darulaman
 - i. Caw. Jerlun
3. Bandar Penawar
 - i. Caw. Gelang Patah
4. Bukit Beruang
5. Chenderoh
6. Gerik
 - i. Lenggong
7. Hulu Langat
8. Jasin
9. Jelebu
10. Jempol
11. Kepala Batas
12. Kuala Langat
 - i. Caw. Sepang
13. Kuala Terengganu
 - i. Caw. Hulu Terengganu
 - ii. Caw. Kuala Nerus
 - iii. Caw. Setiu
14. Kuantan
15. Langkawi Tourism Academy @ KK Langkawi
16. Ledang
17. Masjid Tanah
18. Pasir Gudang
19. Pasir Salak
20. Paya Besar
 - i. Caw. Maran
21. Rompin
22. Sabak Bernam
23. Seberang Jaya
24. Segamat
25. Segamat 2
26. Selandar
27. Selayang
28. Sungai Petani
29. Sungai Siput
30. Tawau

KOLEJ KOMUNITI KLUSTER 2

1. Ampang
2. Bagan Datuk
3. Bagan Serai
4. Baling
5. Batu Gajah
6. Batu Pahat
7. Bayan Baru
8. Beaufort
9. Bentong
10. Besut
11. Hulu Selangor
12. Jerantut
13. Kelana Jaya
14. Kluang
 - i. Simpang Renggam
15. Kok Lanas
16. Kota Marudu
17. Kuala Pilah
18. Kuching
19. Kulim
20. Lahad Datu
21. Mas Gading
22. Miri
23. Padang Terap
24. Pekan
25. Penampang
26. Rembau
27. Sarikei
 - i. Caw. Sibu
28. Sik
29. Taiping
30. Tambunan
31. Tampin
32. Teluk Intan
33. Temerloh

KOLEJ KOMUNITI KLUSTER 3

1. Bandar Baharu
2. Bandar Tenggara
3. Bera
4. Betong
5. Bukit Mertajam
6. Gopeng
7. Jeli
 - i. Caw. Tanah Merah
8. Jerai
9. Kemaman
10. Klang
11. Kota Melaka
12. Kota Tinggi
13. Kuala Kangsar
14. Lipis
15. Manjung
16. Muar
17. Nibong Tebal
18. Pagoh
19. Pasir Mas
 - i. Caw. Rantau Panjang
20. Raub
21. Sandakan
22. Santubong
23. Semporna
24. Shah Alam
25. Tangga Batu
26. Tapah
27. Tasek Gelugor
28. Tanjung Karang
29. Tanjung Piai

RINGKASAN EKSEKUTIF

Kamus KPI POLYCC 2025 merupakan panduan utama kepada jabatan dan POLYCC untuk memastikan pelaksanaan Petunjuk Prestasi Utama (KPI) POLYCC selaras dengan visi dan misi Jabatan Pendidikan Politeknik dan Kolej Komuniti (JPPKK). Kamus ini dibangunkan berdasarkan kepada Pelan Strategik Politeknik dan Kolej Komuniti (PSPKK) 2018-2025 serta selari dengan perancangan strategik dan hala tuju pengurusan tertinggi JPPKK. Sebanyak 19 KPI POLYCC 2025 telah dibangunkan berdasarkan tujuh (7) Teras Strategik dan 11 Objektif Strategik (OS) seperti berikut:

Teras 1: Menghasilkan Graduan TVET Berkualiti

- OS 1.1: Menghasilkan graduan yang berkualiti dan mengikut/menepati keperluan industri
- OS 1.2: Memantapkan ekosistem keusahawanan bersinergi yang holistik dan bersepadu
- OS 1.3: Melahirkan graduan berciri global

Teras 2: Memantapkan Governan yang Responsif dan Mampan

- OS 2.1: Melestari tadbir urus yang berakauntabiliti dan cekap
- OS 2.2: Memperkukuh jenama dan reputasi POLYCC
- OS 2.3: Meningkatkan pengurusan kewangan yang cekap dan berhemah

Teras 3: Pemerksaan Bakat

- OS 3.1: Mempregiat perkongsian pengetahuan antara PPPT dan pengamal industri secara berterusan

Teras 4: Pemantapan Program Pengajian

- OS 4.1: Meningkatkan keberkesanan mekanisma penyampaian

Teras 5: Memperkukuh Kolaborasi Industri, Komuniti dan Alumni

- OS 5.1: Memperkukuh jaringan industri-institusi

Teras 6: Membudaya Penyelidikan dan Inovasi

- OS 6.1: Memperkasa ekosistem penyelidikan, inovasi dan pemindahan teknologi

Teras 7: Memperkukuh Pembelajaran Sepanjang Hayat

- OS 7.1: Melahirkan komuniti berkemahiran

Pelaksanaan KPI ini melibatkan sejumlah 36 politeknik dan 92 kolej komuniti di seluruh Malaysia. Pemantauan dan penilaian bagi KPI POLYCC dilaksanakan secara dalam talian dengan menggunakan POLYCC Performance System 2.0 (PERSIST 2.0). Tujuh (7) KPI dilaporkan secara tahunan manakala 12 KPI dilaporkan secara sukuan melalui Sistem PERSIST 2.0. Kamus KPI POLYCC 2025 ini menjadi rujukan penting untuk memastikan ketelusan dan keberkesanan dalam memantau prestasi di peringkat POLYCC. Dokumen ini diharap dapat digunakan secara optimum sekaligus memacu POLYCC ke arah kecemerlangan yang mampan dan sejajar dengan sasaran strategik bagi tahun 2025.

TERAS 1: MENGHASILKAN GRADUAN TVET BERKUALITI

Objektif Strategik:

1.1 Menghasilkan graduan yang berkualiti dan mengikut/menepati keperluan industri.

Definisi Operasi:

Kementerian Pendidikan Tinggi telah melaksanakan Kajian Pengesanan Graduan sejak tahun 2006 bagi mengenal pasti status pekerjaan graduan selepas menamatkan pengajian. Di samping itu, kajian ini bertujuan untuk mendapatkan maklumbalas dari graduan berkaitan program pengajian, kemudahan dan perkhidmatan yang disediakan di politeknik dan kolej komuniti.

Sistem Kajian Pengesanan Graduan (SKPG) telah dilaksanakan secara dalam talian sepenuhnya mulai tahun 2012. Pada tahun 2018, Sistem Kajian Pengesanan Graduan TVET (SKPG TVET) dilaksanakan kepada semua politeknik, kolej komuniti dan Institusi Latihan Kemahiran Awan (ILKA). Kajian ini melaporkan kadar kebolehpasaran graduan yang definisinya dijangka merujuk kepada komponen kebolehpasaran graduan National Graduate Employability Blueprint (2012 – 2017).

Dapatan kajian ini dapat memberikan indikasi tentang keupayaan politeknik dan kolej komuniti yang menghasilkan graduan berkualiti serta memenuhi permintaan tenaga kerja industri.

Kebolehpasaran graduan merujuk kepada graduan yang berstatus:

- i. Bekerja termasuk sebagai usahawan; atau
- ii. Sedang melanjutkan pengajian; atau
- iii. Sedang mengikuti latihan peningkatan kemahiran; atau
- iv. Sedang menunggu penempatan pekerjaan semasa Kajian Pengesanan Graduan dijalankan pada tahun semasa melalui SKPG TVET.

Kajian Pengesanan Graduan hendaklah disertai pelajar yang telah mendapat pengesahan tamat pengajian melalui Mesyuarat Lembaga Peperiksaan Politeknik dan Kolej Komuniti dan telah melepasi tempoh sekurang-kurangnya enam (6) bulan tamat pengajian.

Sasaran:

JPPKK	POLITEKNIK					KOLEJ KOMUNITI		
	APEX	PREMIER	KLUSTER 1	KLUSTER 2	METrO	KLUSTER 1	KLUSTER 2	KLUSTER 3
95%	95%	95%	95%	95%	95%	95%	95%	95%

Nota:

KPI ini hanya akan dikecualikan kepada POLYCC yang tiada graduan atas sebab-sebab yang telah dibenarkan oleh pihak pengurusan tertinggi JPPKK.

Justifikasi:

Sasaran KPI merujuk kepada Pelan Tindakan bagi Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2015-2025 (Pendidikan Tinggi) PPPM (PT) dan Pelan Strategik Kebolehpasaran Graduan 2021-2025 serta berorientasikan trend pencapaian kebolehpasaran graduan politeknik dan kolej komuniti.

Peratus kebolehpasaran graduan politeknik dan kolej komuniti

Kaedah Pengukuran:

- i. Formula atau kaedah pengukuran yang digunakan untuk menghitung peratus kebolehpasaran graduan adalah seperti berikut:

$$\frac{\text{Numerator}}{\text{Denominator}} \times 100$$

- **Numerator:** Jumlah responden yang bekerja + melanjutkan pengajian + meningkatkan kemahiran + menunggu penempatan pekerjaan semasa tempoh kajian
 - **Denominator:** Jumlah keseluruhan responden dalam Kajian Pengesanan Graduan.
- ii. Kadar responden yang perlu dicapai oleh setiap POLYCC adalah sebanyak 85%.
- iii. Peratus padanan pekerjaan graduan yang perlu dicapai oleh setiap POLYCC adalah sebanyak 50%.
- iv. Padanan pekerjaan graduan merujuk kepada graduan politeknik dan kolej komuniti yang bekerja dengan majikan dan mengikut bidang pengajian atau yang setara dengan kelayakan bidang pengajian semasa kajian SKPG TVET dijalankan.
- v. Formula atau kaedah pengukuran yang digunakan untuk menghitung peratus padanan pekerjaan graduan adalah seperti berikut:

$$\frac{\text{Numerator}}{\text{Denominator}} \times 100$$

- **Numerator:** Bilangan responden yang bekerja dalam bidang
 - **Denominator:** Jumlah keseluruhan responden bekerja dalam Kajian Pengesanan Graduan
- vi. *Cut off date* adalah pada 12 Disember 2025 dengan mengambil kira peratus SKPG TVET dan SKPG 2.0.

Dokumen Bukti:

Laporan Kajian Pengesanan Graduan Politeknik dan Kolej Komuniti

Pelaporan melalui Sistem PERSIST:

Penyelaras KPI di POLYCC

Pegawai Bertanggungjawab:

Penyelaras Pengesanan Graduan di POLYCC

Trend Pencapaian:

TAHUN	POLITEKNIK			KOLEJ KOMUNITI			PENCAPAIAN KESELURUHAN
	PREMIER/APACC	KONVENSIONAL	METrO	KLUSTER 1	KLUSTER 2	KLUSTER 3	
2022	96.10%	97.60%	92.90%	96.30%	97.10%	97.80%	96.30%
2023	96.80%	97.30%	97.80%	97.50%	98.30%	99.40%	97.30%
2024	-	-	-	-	-	-	98.30%*

Nota: *Data pencapaian dikemas kini sehingga September 2024.

Pemilik Proses:

Bahagian Kolaborasi Industri dan Komuniti (BKIK)

Templat Dokumen Bukti:



KEMENTERIAN PENDIDIKAN TINGGI
JABATAN PENDIDIKAN POLITEKNIK DAN KOLEJ KOMUNITI

KPI 1: Peratus kebolehpasaran graduan politeknik dan kolej komuniti
Politeknik/Kolej Komuniti: _____

Item	Perkara	Jumlah/Peratus
A. Maklumat pelaksanaan SKPG TVET 2025		
1	Jumlah graduan	
2	Bilangan responden	
3	Peratus kadar respon	
B. Kebolehpasaran graduan (GE)		
1	Peratus kebolehpasaran politeknik/kolej komuniti	
2	Peratus bekerja	
3	Peratus menyambung pengajian	
4	Peratus meningkatkan kemahiran	
5	Peratus menunggu penempatan pekerjaan	
C. Pencapaian GE mengikut program pengajian		
1	*Nama Program	
2		
3		
D. Kesepadanan pekerjaan graduan politeknik/kolej komuniti		
1	Peratus sepadan:	
2	Peratus tidak sepadan:	
E. Kesepadanan pekerjaan graduan mengikut program pengajian		
1	*Nama Program	
2		
3		

Kesemua item dinyatakan di dalam peratus kecuali A1 dan A2.

*PERINGATAN

Cut off date adalah pada 12 Disember 2025 dengan mengambil kira peratus SKPG TVET sahaja.

Disediakan oleh:

Disemak oleh:

(Pegawai Pengesanan Graduan)

(Pengarah Politeknik/Kolej Komuniti)

Peratus graduan yang menceburi bidang keusahawanan atau bekerja sendiri

TERAS 1: MENGHASILKAN GRADUAN TVET BERKUALITI

Objektif Strategik:

1.2 Memantapkan ekosistem keusahawanan bersinergi yang holistik dan bersepadu.

Definisi Operasi:

Latar Belakang

Ekosistem keusahawanan bersinergi merujuk kepada kesalinghubungan dan kerjasama antara elemen keusahawanan seperti dunia akademik, pihak industri, wakil kerajaan, serta anggota komuniti yang saling berinteraksi dalam persekitaran keusahawanan. Ekosistem dalaman institusi adalah sangat penting dalam membangunkan agenda keusahawanan IPT sebagai persediaan untuk menempuh ekosistem sebenar di luar dinding IPT.

Hala Tuju KPI

Menghasilkan graduan yang mampu menjana peluang pekerjaan melalui bidang keusahawanan. Perkara ini dapat dicapai dengan mengubah para graduan daripada usahawan berasaskan keperluan kepada usahawan berasaskan peluang. Transformasi ini juga dapat membantu mengurangkan masalah pengangguran dalam kalangan graduan.

Definisi Operasi Graduan Politeknik atau Kolej Komuniti Menceburi Bidang Keusahawanan

Graduan politeknik atau kolej komuniti yang bekerja sendiri atau menjadi usahawan dalam tempoh 12 bulan selepas menamatkan pengajian (termasuk perniagaan secara dalam talian/luar talian).

Definisi graduan adalah merujuk kepada lulusan yang telah bergraduasi.

Sasaran:

JPPKK	POLITEKNIK					KOLEJ KOMUNITI		
	APEX	PREMIER	KLUSTER 1	KLUSTER 2	METrO	KLUSTER 1	KLUSTER 2	KLUSTER 3
10%	10%	10%	10%	10%	10%	10%	10%	10%

Nota:

KPI ini hanya akan dikecualikan kepada POLYCC yang tiada graduan atas sebab-sebab yang telah dibenarkan oleh pihak pengurusan tertinggi JPPKK.

Justifikasi:

Berdasarkan KPI yang ditetapkan oleh KPT di dalam Pelan Tindakan Keusahawanan IPT 2021-2025.

Kaedah Pengukuran:

Formula atau kaedah pengukuran yang digunakan untuk menghitung peratus graduan menceburi bidang keusahawanan adalah seperti berikut:

$$\frac{\text{Numerator}}{\text{Denominator}} \times 100$$

Numerator: Jumlah graduan warganegara Malaysia yang bekerja sendiri atau menjadi usahawan dalam tempoh 12 bulan selepas tamat pengajian (termasuk perniagaan secara dalam talian/luar talian).

Denominator: Jumlah keseluruhan graduan warganegara Malaysia tahun sebelumnya.

KPI 2

Peratus graduan yang menceburi bidang keusahawanan atau bekerja sendiri

Nota:

- Sumber data ialah dari Unit Keusahawanan atau Unit Alumni atau Tracer Study yang dijalankan KPT.
- Graduan yang terlibat dalam gig ekonomi akan diambil kira sekiranya graduan menggunakan kemahiran mereka untuk menjana pendapatan.

Dokumen Bukti:

Laporan Pencapaian Keseluruhan KPI Keusahawanan IPT bagi tahun 2025.

Pelaporan melalui Sistem PERSIST:

Penyelaras KPI di POLYCC

Pegawai Bertanggungjawab:

- Politeknik: Ketua Unit Keusahawanan
- Kolej komuniti: Ketua Unit Keusahawanan/Pegawai Keusahawanan

Trend Pencapaian:

TAHUN	POLITEKNIK			KOLEJ KOMUNITI			PENCAPAIAN KESELURUHAN
	PREMIER/APACC	KONVENSIONAL	METrO	KLUSTER 1	KLUSTER 2	KLUSTER 3	
2022	8.78%	8.12%	8.56%	7.40%	7.20%	8.23%	8.05%
2023	9.36%	9.00%	11.44%	10.15%	9.93%	11.81%	9.51%
2024	7.11%	6.89%	7.15%	7.91%	8.03%	8.77%	7.45%*

Nota: *Data pencapaian dikemas kini sehingga September 2024.

Pemilik Proses:

Bahagian Ambilan dan Pembangunan Pelajar (BAPP)

KPI 2

Peratus graduan yang menceburi bidang keusahawanan atau bekerja sendiri

PELAPORAN: SUKUAN

Templat Dokumen Bukti:

CARA MENGISI KPI 2:

1. Bagi ruangan Nama Graduan, pastikan nama penuh dan ditulis dengan huruf besar.
2. Bagi ruangan No. Kad Pengenalan, pastikan No. Kad Pengenalan baru dan penuh (xxxxxx-xx-xxxx). No. Matrik Pelajar TIDAK diterima.
3. Bagi ruangan Nama Perniagaan, Produk/Perkhidmatan Utama, pastikan nama penuh dan ditulis dengan huruf besar.
4. Setiap ruangan WAJIB diisi dengan lengkap sebelum menghantar laporan.

LAMPIRAN E

PELAPORAN PENCAPAIAN KESELURUHAN KPI KEUSAHAWANAN IPT BAGI TAHUN 2025 MAKLUMAT USAHAWAN GRADUAN IPT MENCEBURI BIDANG KEUSAHAWANAN SELEPAS TAMAT PENGAJIAN BAGI TAHUN 2024																				
BIL.	INSTITUSI	TAHUN GRADUASI	NAMA GRADUAN (NAMA PENUH & HURUF BESAR)	NO. KAD PENGENALAN (BARU & NO. PENUH) CONTOH (XXXXXX-XX-XXXX)	JANTINA	STATUS BUMIPUTERA	BIDANG PENGAJIAN	NAMA PERNIAGAAN (NAMA PENUH & HURUF BESAR)	PRODUK/PERKHIDMATAN UTAMA	NO. DAFTAR SSM	JENIS MILIKAN PERNIAGAAN	KLUSTER PERNIAGAAN	PUNCA MODAL (Lain-lain) (Geran/pinjaman/bantuan IPT/agensi/crowd funding, etc)	JUMLAH MODAL AWAL (RM)	PENDAPATAN KASAR BULANAN (RM)	BILANGAN PEKERJA	PAUTAN LAMAN WEB PERNIAGAAN	LOKASI PERNIAGAAN	TARIKH MULA PERNIAGAAN CONTOH (1/3/2023)	CATATAN
1																				
2																				
3																				
4																				
5																				
6																				
7																				
8																				
9																				
10																				
11																				
12																				
13																				
14																				
15																				
16																				
17																				
18																				
19																				
20																				
21																				
22																				
23																				
24																				
25																				
26																				
27																				
28																				
29																				
30																				
31																				
32																				
33																				
34																				
35																				
36																				
37																				
38																				
39																				
40																				

TERAS 1: MENGHASILKAN GRADUAN TVET BERKUALITI

Objektif Strategik:

1.3 Melahirkan graduan berciri global.

Definisi Operasi:

Pelajar berciri holistik merujuk kepada pelajar yang memiliki kemahiran, pengetahuan, kemahiran insaniah, sahsiah, fizikal dan sifat peribadi yang membolehkan mereka berdaya saing serta berupaya untuk bekerja dan berjaya di peringkat kebangsaan atau antarabangsa seterusnya mampu menjadi modal insan negara.

Dengan pelaksanaan KPI ini, jabatan dan institusi dapat memantau dan mengukur keberkesanan program yang dilaksanakan. Selain itu juga, jabatan dan institusi dapat memastikan bahawa program yang dianjurkan menyumbang ke arah pembangunan graduan yang memenuhi keperluan industri global dan bersedia menghadapi cabaran dalam persekitaran kerja yang dinamik seterusnya membolehkan institusi mengukur sejauh mana graduan mereka memiliki kemahiran yang relevan dan bersifat global, selaras dengan misi PPMPT untuk meningkatkan daya saing negara di persada antarabangsa.

Pelaksanaan KPI ini merujuk kepada program pembangunan pelajar yang wajib dilaksanakan mengikut kluster seperti berikut:

- i. Patriotisme
- ii. Kepimpinan
- iii. Komunikasi (Bahasa Melayu/Bahasa Inggeris)
- iv. Kebudayaan, kesenian dan warisan
- v. Kerohanian
- vi. Psikologi
- vii. Sukan
- viii. Kesihatan
- ix. Kemahiran dan inovasi
- x. Sukarelawan
- xi. Kelab dan persatuan
- xii. Perpaduan

Sekurang-kurangnya satu (1) program menggunakan kepakaran bidang (*niche area*) teknologi TVET institusi.

Pelaksanaan program di peringkat institusi/jabatan/negeri/zon/kebangsaan/antarabangsa.

Sasaran:

JPPKK	POLITEKNIK					KOLEJ KOMUNITI		
	APEX	PREMIER	KLUSTER 1	KLUSTER 2	METRO	KLUSTER 1	KLUSTER 2	KLUSTER 3
1,084	20	18	15	12	9	9	6	4

Nota:

KPI ini hanya akan dikecualikan kepada POLYCC yang tiada graduan atas sebab-sebab yang telah dibenarkan oleh pihak pengurusan tertinggi JPPKK.

Bilangan program pembangunan pelajar berciri holistik

Justifikasi:

Pelaksanaan program pembangunan pelajar berimpak yang dilaksanakan setiap POLYCC. Penetapan sasaran adalah berdasarkan kepada:

- i. Trend pencapaian dan peningkatan penganjuran program yang melibatkan penyertaan pelajar di peringkat kebangsaan dan antarabangsa.
- ii. Pelan Tindakan bagi Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2015-2025 (Pendidikan Tinggi) PPPM (PT) – Lonjakan 1: Graduan Holistik, Berciri Keusahawanan dan Seimbang.

Kaedah Pengukuran:

Bilangan program pembangunan pelajar yang dilaksanakan merujuk kepada kategori yang telah dinyatakan.

Dokumen Bukti:

Laporan Pelaksanaan Program

Pelaporan melalui Sistem PERSIST:

Penyelaras KPI di POLYCC

Pegawai Bertanggungjawab:

- Politeknik: Ketua Jabatan Hal Ehwal Pelajar (KJHEP)
- Kolej komuniti: Pegawai Pembangunan Pelajar (PPP)

Trend Pencapaian:

TAHUN	POLITEKNIK			KOLEJ KOMUNITI			PENCAPAIAN KESELURUHAN
	PREMIER/APACC	KONVENSIONAL	METrO	KLUSTER 1	KLUSTER 2	KLUSTER 3	
2022	67	156	16	123	136	101	599
2023	168	285	25	174	184	135	971
2024	98	234	36	226	188	128	910*

Nota: *Data pencapaian dikemas kini sehingga September 2024.

Pemilik Proses:

Bahagian Ambilan dan Pembangunan Pelajar (BAPP)

Templat Dokumen Bukti:

Kluster Program *Sila tandakan	Sukarelawan	Patriotisme	Perpaduan	Kepimpinan	Komunikasi (B. Melayu/ B. Inggeris)	Kebudayaan, kesenian dan warisan	Kerohanian	Psikologi	Sukan	Kesihatan	Kemahiran dan Inovasi	Kelab dan persa- tuan	Niche Area



KEMENTERIAN PENDIDIKAN TINGGI
JABATAN PENDIDIKAN POLITEKNIK DAN KOLEJ KOMUNITI

LAPORAN PELAKSANAAN PROGRAM

NAMA PROGRAM:

TARIKH:

TEMPAT: (sekiranya di luar institusi)

NAMA POLITEKNIK/KOLEJ KOMUNITI

Disediakan oleh:

NAMA PELAJAR/PEGAWAI

JAWATAN/JABATAN/UNIT

Templat Dokumen Bukti:

1. NAMA PROGRAM:
2. PERINGKAT PROGRAM:
3. TEMPAT:
4. TARIKH:
5. ANJURAN/KERJASAMA (Jika ada):
6. RINGKASAN PROGRAM:
7. OBJEKTIF PROGRAM:
8. PERINCIAN PROGRAM DAN AKTIVITI (Jadual jika ada):
9. PERINCIAN LAPORAN KEWANGAN
 - 8.1 JUMLAH PERBELANJAAN (Perincian):
 - 8.1 SUMBER PERUNTUKAN:
10. BILANGAN PELAJAR
 - 9.1 MELAYU:
 - 9.2 CINA:
 - 9.3 INDIA:
 - 9.4 BUMIPUTERA SABAH:
BUMIPUTERA SARAWAK:
 - 9.5 ORANG ASLI:
 - 9.6 OKU:
 - 9.7 JANTINA:
 - LELAKI:
 - PEREMPUAN:
 - JUMLAH KESELURUHAN PELAJAR:
 - 9.8 PECAHAN LOKALITI PELAJAR:
 - BANDAR:
 - LUAR BANDAR:

Templat Dokumen Bukti:

9.9 PECAHAN UMUR:

BELIA AWAL (15-18 TAHUN)

BELIA PERTENGAHAN (19-24 TAHUN)

BELIA AKHIR (25-30 TAHUN)

11. BILANGAN PENGLIBATAN/PENYERTAAN KOMUNITI/BELIA (Jika ada):

12. SENARAI PENCERAMAH JEMPUTAN (Jika ada):

13. PERASMI PROGRAM:

14. HASIL/IMPAK PROGRAM:

**15. HASIL KAJI SELIDIK/MAKLUM BALAS PESERTA PROGRAM
(PELAJAR):**

**16. HASIL KAJI SELIDIK/MAKLUM BALAS KOMUNITI/PENERIMA MANFAAT
(Jika berkaitan):**

17. GAMBAR AKTIVITI/PROGRAM:

18. SENARAI JAWATANKUASA PELAKSANA:

19. PENGESAHAN LAPORAN:

18.1 DISEDIAKAN OLEH:

18.2 DISEMAK OLEH:

18.3 DISAHKAN OLEH:

Bilangan pelajar yang berjaya ke peringkat kebangsaan atau antarabangsa

TERAS 1: MENGHASILKAN GRADUAN TVET BERKUALITI

Objektif Strategik:

1.3 Melahirkan graduan berciri global.

Definisi Operasi:

Melahirkan graduan berciri global merujuk kepada usaha institusi dalam menghasilkan pelajar yang memiliki ciri-ciri dan kemahiran yang diperlukan untuk bersaing dan berjaya bermula di peringkat kebangsaan seterusnya antarabangsa. Graduan yang berciri global ini tidak hanya cemerlang dalam akademik tetapi juga mempunyai kecekapan insaniah seperti kemahiran komunikasi antara budaya, pemikiran kritis, kesedaran terhadap isu global, dan kebolehsuaian dalam persekitaran termasuk antarabangsa.

Ciri-ciri ini menjadikan mereka lebih mudah untuk mereka menyesuaikan diri dan memberi sumbangan dalam pelbagai bidang setelah mereka berjaya menamatkan pengajian di institusi masing-masing.

Pencapaian dalam KPI ini dapat memantau kemajuan pelajar secara menyeluruh dengan menggabungkan aspek akademik, kemahiran insaniah (*soft skills*), patriotisme dan kebolehan antarabangsa. Kebolehan antarabangsa merujuk kepada tahap kemampuan pelajar di peringkat antarabangsa yang meliputi pelbagai aspek seperti kerjasama luar, komunikasi, kemahiran/kebolehan membuat keputusan strategik dan penguasaan kemahiran teknologi digital secara global.

Bilangan pelajar yang berjaya ke peringkat kebangsaan atau antarabangsa merujuk kepada jumlah pelajar yang telah mencapai kejayaan dalam menyertai program, acara, pertandingan, kejohanan atau majlis yang diiktiraf di peringkat kebangsaan atau antarabangsa.

1. Peringkat Antarabangsa
 - i. Penyertaan atau kejayaan pelajar dalam mana-mana program/acara/pertandingan/kejohanan/majlis di luar negara.
2. Peringkat Kebangsaan
 - i. Kejayaan pelajar dalam mana-mana program/acara/pertandingan/kejohanan/majlis di dalam negara.
 - ii. Kejayaan menerusi penyertaan dalam program/acara/pertandingan/kejohanan/majlis;
 - a. anjuran Kementerian, Agensi Kerajaan, Badan Berkanun, Swasta atau Non-Government Organization (NGO)
 - b. anjuran JPPKK/politeknik/kolej komuniti:
 - Kategori terbuka iaitu pertandingan yang disertai juga oleh peserta atau pelajar IPTA/IPTS/luar negara yang lain.
 - Pertandingan yang disertai merupakan platform pemilihan kepada pertandingan ke peringkat yang lebih tinggi bagi mewakili Politeknik Malaysia/Kolej Komuniti Malaysia/negara.
3. Kejayaan/kemenangan/kecemerlangan/penganugerahan dalam mana-mana program/acara/pertandingan/kejohanan/majlis dengan memperoleh:
 - i. Pingat Platinum/Emas/Perak/Gangsa; atau
 - ii. Johan/Naib Johan; atau
 - iii. Tempat Pertama/Kedua/Ketiga; atau
 - iv. Medallion for Excellence; atau
 - v. Pingat Sanjungan; atau
 - vi. Anugerah Khas (Contoh: Olahragawan/Olahragawati/Tangan Emas); atau
 - vii. Kemenangan, kecemerlangan atau anugerah setara.

Bilangan pelajar yang berjaya ke peringkat kebangsaan atau antarabangsa

4. Kluster/bidang
 - i. Kemahiran
 - ii. Komunikasi (Bahasa Melayu/Bahasa Inggeris/dan lain-lain bahasa)
 - iii. Kerohanian
 - iv. Kebudayaan, Kesenian dan Warisan
 - v. Kelab dan Persatuan
 - vi. Keusahawanan
 - vii. Patriotisme
 - viii. Penyelidikan dan Inovasi
 - ix. Sains Sosial
 - x. Sukan
 - xi. Dan lain-lain (Mohon nyatakan dalam laporan).
5. Bagi program keusahawanan, kejayaan pelajar diambil kira dalam mendapatkan pembiayaan dari mana-mana agensi. (Contoh: Bank Islam) untuk syarikat/perusahaan/inovasi/projek perniagaan milik pelajar dalam pembangunan produk, inkubator, pemasaran, pemodal awal dan pemodal teroka.
6. Kejayaan seorang pelajar diambil kira yang tertinggi sahaja dalam kategori atau bidang yang sama dalam pelbagai peringkat bagi tahun semasa. Contoh: Pelajar tersebut telah memenangi peringkat kebangsaan dan seterusnya mewakili negara, maka yang diambil kira adalah mewakili negara.
7. Kejayaan pelajar atas inisiatif sendiri dalam menyertai sebarang jenis program/acara/pertandingan/kejohanan/majlis peringkat kebangsaan atau antarabangsa akan diambil kira sekiranya memberi impak menaikkan imej KPT/JPPKK/institusi.

Sasaran:

JPPKK	POLITEKNIK					KOLEJ KOMUNITI		
	APEX	PREMIER	KLUSTER 1	KLUSTER 2	METRO	KLUSTER 1	KLUSTER 2	KLUSTER 3
477	12	10	8	6	4	4	2	1

Justifikasi:

Penetapan sasaran adalah berdasarkan kepada:

- i. Pelan Tindakan bagi Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2015-2025 (Pendidikan Tinggi) PPPM (PT) – Lonjakan 1: Graduan Holistik, Berciri Keusahawanan dan Seimbang.
- ii. Minit Mesyuarat MPJPPKK Bil. 14/2024.
- iii. Berdasarkan trend pencapaian dan peningkatan penganjuran program yang melibatkan penyertaan pelajar di peringkat kebangsaan dan antarabangsa.

Kaedah Pengukuran:

Bilangan pelajar:

1. Kategori individu
 - i. Seorang pelajar bagi satu kemenangan atau anugerah.
2. Kategori berkumpulan
 - i. Setiap pelajar dikira sebagai bilangan pelajar yang mencapai kejayaan.
Contoh: Satu kumpulan pelajar yang terdiri daripada tiga orang (3) pelajar memenangi tempat pertama dalam satu pertandingan inovasi di peringkat kebangsaan, maka bilangan pelajar yang mencapai kejayaan adalah tiga (3) orang.

KPI 4

Bilangan pelajar yang berjaya ke peringkat kebangsaan atau antarabangsa

Dokumen Bukti:

Laporan Kejayaan Pelajar

Pelaporan melalui Sistem PERSIST:

Penyelaras KPI di POLYCC

Pegawai Bertanggungjawab:

- Politeknik: Timbalan Pengarah Sokongan Akademik (TPSA)/Timbalan Pengarah (TP)
- Kolej komuniti: Timbalan Pengarah (TP)/Timbalan Pengarah Pengurusan (TPP)

Trend Pencapaian:

TAHUN	POLITEKNIK			KOLEJ KOMUNITI			PENCAPAIAN KESELURUHAN
	PREMIER/APACC	KONVENSIONAL	METrO	KLUSTER 1	KLUSTER 2	KLUSTER 3	
2022	69	100	4	44	50	3	270
2023	-	-	-	-	-	-	-
2024	239	197	17	165	118	47	783*

Nota: *Data pencapaian dikemas kini sehingga September 2024.

Pemilik Proses:

Bahagian Ambilan dan Pembangunan Pelajar (BAPP)

KPI 4

Bilangan pelajar yang berjaya ke peringkat kebangsaan atau antarabangsa

PELAPORAN: SUKUAN

Templat Dokumen Bukti:



KEMENTERIAN PENDIDIKAN TINGGI
JABATAN PENDIDIKAN POLITEKNIK DAN KOLEJ KOMUNITI

LAPORAN KPI 4: BILANGAN PELAJAR YANG BERJAYA KE PERINGKAT KEBANGSAAN ATAU ANTARABANGSA
POLITEKNIK/KOLEJ KOMUNITI: _____

* Mohon pastikan:

i. Setiap **pautan boleh diklik** dan membawa kepada dokumen yang berkaitan.

ii. Laporan disimpan menggunakan format PDF (dokumen dinamakan sebagai LaporanBilanganPenyertaanPelajar_(Nama Institusi).pdf) dan berada dlm keadaan teratur serta **bukan diimbas** atau **image scan** sebelum dimuat naik ke Sistem PERSIST 2.0.

iii. Tiada pertambahan/pindaan pada logo pada template laporan yang telah disediakan.

BIL.	NAMA PELAJAR	NO. KAD PENGENALAN	NO. PENDAFTARAN	BANGSA	NEGERI TEMPAT TINGGAL PELAJAR	NAMA PINGAT/KEJAYAAN/ KEMENANGAN	PROGRAM/ACARA/ PERTANDINGAN/KEJOHANAN	KLUSTER/BIDANG	TARIKH PERTANDINGAN	TEMPAT PERTANDINGAN	PENGANJUR/ ANJURAN	KATEGORI PENYERTAAN (INDIVIDU/ BERKUMPULAN)	PERINGKAT	PAUTAN GAMBAR KEMENANGAN/ PENYERTAAN (MAKSIMUM 5 GAMBAR)	PAUTAN SALINAN SUJIL/PENGIKTIRAFAN/ PENGESAHAN PENYERTAAN/ MANA-MANA YANG BERKAITAN
1															
2															
3															
4															
5															
6															
7															
8															
9															
10															
11															
12															
13															
14															
15															

Disediakan oleh:

Nama :

Jawatan :

Tarikh :

Bilangan pengiktirafan daripada badan/agensi di peringkat kebangsaan atau antarabangsa

TERAS 2: MEMANTAPKAN GOVERNAN YANG RESPONSIF DAN MAMPAN

Objektif Strategik:

2.1 Melestari tadbir urus yang berakauntabiliti dan cekap.

Definisi Operasi:

Pengiktirafan bermaksud penerimaan kelayakan/pensijilan/anugerah oleh pihak-pihak tertentu bagi tujuan tertentu atau penerimaan sesuatu penghargaan bagi mengiktiraf pencapaian yang dibuat oleh politeknik dan kolej komuniti.

Badan/agensi yang diiktiraf merujuk kepada mana-mana badan yang mengawal, menyelia dan mengesahkan standard/kriteria penilaian yang ditetapkan dan akan menjalankan tugas penilaian terhadap pematuhan institusi kepada standard berkenaan.

Contoh pengiktirafan adalah ISO-SIRIM, ISO-NIOSH, Ekosistem Kondusif Sektor Awam (EKSA), Asia Pacific Accreditation and Certification Commission (APACC), Sekolah Pengendalian Makanan (SLPM), Member Schools CDIO, Center for Institute Motor Industry (IMI), Certificate of Accreditation the Chartered Institute of Logistics and Transport In Malaysia (CILT), Adobe International, City And Guilds, Pusat Bertauliah Pematuhan Hijau (JPK), Premier Digital Tech Institution-MDEC, Training Provider Registration Certificated HRD CORP, UI Greenmetric World University Rankings, Suruhanjaya Tenaga, Certiport Authorized Testing Centre, Penyedia Latihan PERKESO, KNX Training Centre dan lain-lain.

Pengiktirafan/pensijilan/anugerah adalah tidak termasuk pengiktirafan akreditasi wajib program pengajian daripada Agensi Kelayakan Malaysia (MQA), Lembaga Jurutera Malaysia (BEM) dan Lembaga Teknologis Malaysia (MBOT).

Sasaran:

JPPKK	POLITEKNIK					KOLEJ KOMUNITI		
	APEX	PREMIER	KLUSTER 1	KLUSTER 2	METrO	KLUSTER 1	KLUSTER 2	KLUSTER 3
144	3	3	1	1	1	1	1	1

Justifikasi:

- Petunjuk Prestasi Utama (KPI) Pelan Tindakan Pendidikan Tinggi Malaysia (PTPTM) 2022-2025 - Lonjakan 4: Graduan TVET Berkualiti.
- Petunjuk Prestasi Utama (KPI) Kerangka Keberhasilan Bajet Berasaskan Outcome (OBB) peringkat Kementerian (Ministry Executive Summary - MES) dan peringkat Aktiviti (Activity Performance Management Framework - APMF).
- Sasaran KPI mengambil kira kategori institusi, kesediaan pengoperasian, jumlah staf dan pelajar, kemantapan dalam aspek jaminan kualiti serta faktor kos.

Kaedah Pengukuran:

- Pencapaian dikira secara kumulatif.
- Pengukuran melibatkan POLYCC yang mendapat pengiktirafan/pensijilan/anugerah pada tahun dinilai.
- Pengukuran melibatkan tempoh pengiktirafan yang masih sah pada tahun dinilai.
- Pengukuran menggunakan instrumen yang dibangunkan oleh badan/agensi yang memberi pengiktirafan.

KPI 5

Bilangan pengiktirafan daripada badan/agensi di peringkat kebangsaan atau antarabangsa

Dokumen Bukti:

Laporan Pencapaian Pengiktirafan tahun 2025

Pelaporan melalui Sistem PERSIST:

Penyelaras KPI di POLYCC

Pegawai Bertanggungjawab:

Pegawai/Penyelaras Unit Jaminan Kualiti di POLYCC

Trend Pencapaian:

TAHUN	POLITEKNIK			KOLEJ KOMUNITI			PENCAPAIAN KESELURUHAN
	PREMIER/APACC	KONVENSIONAL	METrO	KLUSTER 1	KLUSTER 2	KLUSTER 3	
2022	21	24	5	18	3	1	72
2023	44	44	7	46	34	ITT	175
2024	40	58	6	48	28	ITT	180*

Nota: *Data pencapaian dikemas kini sehingga September 2024.

ITT: Institusi tidak terlibat.

Pemilik Proses:

Bahagian Governan dan Kecemerlangan (BGK)

KPI 5

Bilangan pengiktirafan daripada badan/agensi di peringkat kebangsaan atau antarabangsa

PELAPORAN: SUKUAN

LAPORAN PENCAPAIAN PENGIKTIRAFAN
BAGI SUKUAN PERTAMA/KEDUA/KETIGA/KEEMPAT TAHUN 2025
NAMA INSTITUSI :
KATEGORI INSTITUSI :

KPI 5

TERAS 2: MEMANTAPKAN GOVERNAN YANG RESPONSIF DAN MAMPAN

Pencapaian	Jenis Ukuran	Kekerapan Pemantauan	Sasaran Tahunan	2025				
				Pencapaian Sebenar				
				Sukuan 1	Sukuan 2	Sukuan 3	Sukuan 4	Tahunan
KPI 5: Bilangan pengiktirafan daripada badan/agensi di peringkat kebangsaan atau antarabangsa	Bilangan	Sukuan						
Ulasan Pencapaian/ Catatan:								

Disahkan oleh:

Nama :
Jawatan :
Cop Rasmi :

KPI 5

Bilangan pengiktirafan daripada badan/agensi di peringkat kebangsaan atau antarabangsa

PELAPORAN: SUKUAN

SENARAI PENGIKTIRAFAN BAGI SUKUAN PERTAMA/KEDUA/KETIGA/KEEMPAT TAHUN 2025

BIL.	INSTITUSI	PENGIKTIRAFAN	BADAN PENGIKTIRAFAN	PERINGKAT	TEMPOH SAH

*Sila lampirkan bersama-sama dokumen bukti (sijil pengiktirafan atau surat perakuan).

TERAS 2: MEMANTAPKAN GOVERNAN YANG RESPONSIF DAN MAMPAN

Objektif Strategik:

2.1 Melestarikan tadbir urus yang berakauntabiliti dan cekap.

Definisi Operasi:

Tadbir urus didefinisikan sebagai cara atau sistem sesuatu organisasi, institusi, atau negara ditadbir atau diuruskan dengan penekanan terhadap aspek kecekapan, ketelusan, akauntabiliti dan integriti (Rujukan: Kamus Dewan Edisi Keempat, Tahun 2005, Dewan Bahasa dan Pustaka). Istilah ini sering digunakan dalam konteks pengurusan bagi memastikan setiap tindakan dan keputusan adalah memenuhi piawaian etika dan profesional yang ditetapkan.

Kelestarian tadbir urus institusi adalah merupakan program/inisiatif/aktiviti/kempen/tindakan yang dirancang serta dilaksana oleh institusi secara berterusan. Pelaksanaan program/inisiatif/aktiviti/kempen/tindakan berkaitan tadbir urus ini perlu melihat masalah yang dihadapi di institusi dan kaedah penyelesaian yang bersesuaian bagi menangani masalah ini. Program/inisiatif/aktiviti/kempen/tindakan ini merangkumi elemen berikut:

i. Pengurusan Sumber Manusia

- Penambahbaikan dalam pengurusan kakitangan, pelajar, pelanggan dan pemegang taruh untuk meningkatkan kecekapan dan kualiti institusi.

ii. Pengurusan Kewangan dan Perolehan

- Penambahbaikan dalam pengurusan kewangan dan perolehan agar lebih sistematik, memudahkan proses pemantauan dan kawalan untuk mengelakkan pembaziran sumber di institusi.

iii. Sistem Maklumat

- Memastikan pengurusan data yang cekap termasuk penerimaan, pemprosesan, penyebaran dan penyimpanan data bagi menyokong kawalan dan keputusan tadbir urus di institusi.

iv. Inovasi

- Pengenalan amalan baharu bertujuan memperkukuh tadbir urus dan pengoperasian institusi.

Antara contoh program/inisiatif/aktiviti/kempen/tindakan kelestarian tadbir urus adalah seperti:

- Pengurusan Lean:** Menekankan kecekapan dan pengurangan pembaziran dalam sistem pengurusan dengan menggunakan alat lean yang bersesuaian. (Garis Panduan Pelaksanaan Pengurusan Lean Edisi 1, Tahun 2022, Bahagian Governan dan Kecemerlangan).
- Pengurusan Sisa dan Kitar Semula:** Mewujudkan sistem kitar semula, menggalakkan penggunaan bahan kitar semula serta pengurusan sisa elektronik yang memberi hasil pulangan kepada institusi.
- Pengurusan Tenaga:** Melaksanakan program kecekapan tenaga yang menyokong kepada penjimatan tenaga di institusi (berdasarkan kelulusan pihak-pihak yang berkenaan).
- Pengangkutan Hijau:** Meningkatkan penggunaan pengangkutan awam, berkongsi kenderaan dan menganjurkan hari tanpa kenderaan secara konsisten,
- Pendidikan Kelestarian:** Melaksanakan program pendidikan dan kesedaran mengenai kelestarian tadbir urus secara konsisten dalam kalangan warga institusi dan komuniti.
- Pengurusan Air:** Memantau penggunaan air, menggalakkan sistem penuaian air hujan dan penggunaan air bawah tanah bagi mencapai penjimatan di institusi (Berdasarkan kelulusan pihak-pihak yang berkenaan).
- Penjagaan Kesihatan dan Kebajikan:** Menyokong penjagaan kesihatan dan kebajikan warga POLYCC secara berterusan.

Bilangan program ke arah kelestarian tadbir urus institusi

Perancangan serta pelaksanaan program/inisiatif/aktiviti/kempen/tindakan ini boleh disesuaikan/diadaptasi daripada mana-mana kementerian/jabatan/ agensi atau pihak lain yang memberi nilai tambah kepada pemerkasaan tadbir urus institusi.

Sasaran:

JPPKK	POLITEKNIK					KOLEJ KOMUNITI		
	APEX	PREMIER	KLUSTER 1	KLUSTER 2	METrO	KLUSTER 1	KLUSTER 2	KLUSTER 3
258	3	3	3	3	2	2	2	1

Justifikasi:

Sasaran KPI ini berdasarkan keupayaan institusi untuk melaksanakan program/inisiatif/aktiviti/kempen/tindakan secara berkesan dan mengikut skala kemampuannya dengan mengambil kira sumber sedia ada.

Kaedah Pengukuran:

Kaedah pengukuran bagi melaksanakan program/inisiatif/aktiviti/kempen/tindakan berdasarkan:

- i. Kategori Institusi
 - Pembahagian kategori ini adalah termasuk lima (5) bagi politeknik dan tiga (3) bagi kolej komuniti.
- ii. Kapasiti Sumber Manusia
 - Keupayaan institusi untuk mengatur program/inisiatif/aktiviti/kempen secara berterusan yang bersesuaian dengan jumlah kakitangan yang ada tanpa membebankan kakitangan.

Dokumen Bukti:

Laporan Pelaksanaan Program Kelestarian Tadbir Urus

Pelaporan melalui Sistem PERSIST:

Penyelaras KPI di POLYCC

Pegawai Bertanggungjawab:

- Politeknik: Timbalan Pengarah Sokongan Akademik (TPSA)/Timbalan Pengarah (TP)
- Kolej komuniti: Timbalan Pengarah Pengurusan (TPP)/Timbalan Pengarah (TP)

Trend Pencapaian:

TAHUN	POLITEKNIK			KOLEJ KOMUNITI			PENCAPAIAN KESELURUHAN
	PREMIER/APACC	KONVENSIONAL	METrO	KLUSTER 1	KLUSTER 2	KLUSTER 3	
2022	-	-	-	-	-	-	-
2023	35	67	10	64	66	31	271
2024	30	54	8	47	37	23	199*

Nota: *Data pencapaian dikemas kini sehingga September 2024.

Pemilik Proses:

Bahagian Governan dan Kecemerlangan (BGK)

Templat Dokumen Bukti:

KPI 6 - BILANGAN PROGRAM KE ARAH KELESTARIAN TADBIR URUS INSTITUSI

INSTITUSI: <Sila masukkan nama institusi>

LAPORAN PELAKSANAAN PROGRAM KELESTARIAN TADBIR URUS

Nama Program	
Objektif Program	
Anjuran (Nyatakan jika terdapat kolaborasi bersama)	
Ringkasan program Merangkumi: i. Latar belakang (Justifikasi/Permasalahan jabatan/institusi) ii. Carta alir pelaksanaan iii. Pelaksanaan program iv. Lain-lain maklumat tambahan	
Impak program Nyatakan impak kepada: i. Jabatan/institusi ii. Kakitangan iii. Masyarakat (Sertakan laporan impak – carta bar secara ilustrasi)	
Gambar pelaksanaan (Lima (5) gambar terbaik berserta pernyataan)	

*Maksimum 10 muka surat sahaja

Disediakan oleh:

Nama:

Jawatan:

Tarikh:

Disahkan oleh:

Pengarah/Timbalan Pengarah

Nama Institusi:

Tarikh:

TERAS 2: MEMANTAPKAN GOVERNAN YANG RESPONSIF DAN MAMPAN

Objektif Strategik:

2.1 Melestarikan tadbir urus yang berakauntabiliti dan cekap.

Definisi Operasi:

Skor Kualiti data POLYCC telah dilaksanakan sejak tahun 2023. Data yang berkualiti merupakan sumber utama dalam kompilasi dan diseminasi data kepada umum sebagai rujukan yang boleh dipercayai. Justeru, skor kualiti data POLYCC adalah satu medium penting dalam menilai ketepatan dan kebolehpercayaan data berkaitan POLYCC secara menyeluruh demi memastikan kualiti dan integriti data yang dibekalkan melalui sistem MyMOHEs dari JPPKK ke KPT berada pada tahap optimum.

Skor kualiti data merujuk kepada skor yang diberikan berdasarkan penarafan bintang melalui Sistem e-Anjung MyMoheS. Sistem e-Anjung MyMoheS yang telah dibangunkan terdiri daripada empat (4) modul asas iaitu:

- i. Modul Pelajar
- ii. Modul Staf
- iii. Modul Penyelidikan, Perundingan dan Pengkomersialan
- iv. Modul Maklumat Institusi

Skor kualiti data ini melibatkan kemasukan data POLYCC melalui Sistem CCMS, SPMP, eSIS, SYRi, e-PSH dan LI Zoning.

Pengumpulan dan penghantaran data oleh POLYCC melibatkan Modul Pelajar ke pangkalan data.

- i. Pengumpulan data pelajar POLYCC mestilah melalui Sistem CCMS/SPMP.
- ii. Penghantaran data melibatkan proses memuat naik data dari CCMS/SPMP ke dalam Sistem e-Anjung MyMoheS.

Modul Staf hanya melibatkan pengisian data melalui Sistem eSIS di POLYCC.

Modul Penyelidikan, Perundingan dan Pengkomersialan pula melibatkan pengisian data melalui SYRi.

Modul Maklumat Institusi melibatkan maklumat pengarah, kemudahan OKU, aset ICT dan lain-lain maklumat diisi melalui sistem e-Anjung.

Kesemua modul terlibat akan dimuat naik ke dalam Sistem e-Anjung MyMoheS. Walau bagaimanapun, di peringkat POLYCC hanya perlu memuat naik data Modul Pelajar dan Modul Maklumat Institusi sahaja.

Untuk makluman, Data Keluaran (Data Output Pelajar), Modul Staf dan Modul Penyelidikan, Perundingan dan Pengkomersialan (R&D) akan dimuat naik terus ke dalam sistem e-Anjung oleh pegawai bertanggungjawab di JPPKK.

Ciri-ciri data yang berkualiti mesti mempunyai elemen yang berikut:

- a. Ketepatan data
- b. Kesempurnaan data
- c. Konsistensi data
- d. Kredibiliti data
- e. Kekinian data

Sasaran:

JPPKK	POLITEKNIK					KOLEJ KOMUNITI		
	APEX	PREMIER	KLUSTER 1	KLUSTER 2	METrO	KLUSTER 1	KLUSTER 2	KLUSTER 3
90%	90%	90%	90%	90%	90%	90%	90%	90%

Justifikasi:

Berdasarkan keputusan MPJPPKK Bil. 14/2024 pada 16 Oktober 2024, bersama-sama pengarah mewakili POLYCC menetapkan kenaikan sasaran sebanyak 90% bagi tahun 2025. Peningkatan sasaran ini dapat memenuhi objektif Pelan Tindakan bagi Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2015-2025 (Pendidikan Tinggi) PPPM (PT) yang menekankan keperluan bagi pemantauan dan peningkatan kualiti dalam sektor pendidikan tinggi. Salah satu inisiatif penting di bawah PPPM (PT) adalah memperkasa data pendidikan dan menggunakannya sebagai asas dalam penggubalan dasar.

Kaedah Pengukuran:

Proses penghantaran data oleh pegawai bertanggungjawab (PIC) di POLYCC mestilah melalui Sistem e-Anjung MyMoheS.

Data yang diambil kira adalah merujuk kepada pelaporan prestasi kualiti data dari KPT sebelum 31 Disember tahun semasa. Pemilik Proses di BKTVET akan mengedarkan Laporan Skor Kualiti Data MyMoheS kepada POLYCC.

- Teras pengiraan skor penarafan berdasarkan:
- i. Ketepatan Data – 25%
 - Ketepatan data sintetik
 - Ketepatan data simentik
 - Risiko set data yang tidak tepat
 - ii. Kesempurnaan Data – 25%
 - Kesempurnaan fail data
 - Kesempurnaan nilai data
 - Rekod *null* (Tiada data) dalam data fail
 - iii. Konsistensi – 20%
 - Risiko data set yang tidak konsisten
 - Liputan ketekalan nilai data
 - Konsistensi simentik
 - iv. Kredibiliti – 10%
 - Kredibiliti nilai
 - Kredibiliti sumber
 - v. Kekinian – 20%
 - Kekekapan kemas kini
 - Ketepatan mematuhi tempoh penghantaran data

Dokumen Bukti:

Pelaporan Skor Kualiti Data MyMoheS POLYCC

Pelaporan melalui Sistem PERSIST:

Pemilik Proses di BKTVET

(Dokumen bukti tidak perlu dimuat naik oleh penyelaras KPI dalam Sistem PERSIST 2.0.)

Pegawai Bertanggungjawab:

- Politeknik: Timbalan Pengarah Sokongan Akademik (TPSA)/Timbalan Pengarah (TP)
- Kolej komuniti: Timbalan Pengarah Pengurusan (TPP)/Timbalan Pengarah (TP)

KPI 7

Skor kualiti data POLYCC

PELAPORAN: TAHUNAN

Trend Pencapaian:

TAHUN	POLITEKNIK			KOLEJ KOMUNITI			PENCAPAIAN KESELURUHAN
	PREMIER/APACC	KONVENSIONAL	METrO	KLUSTER 1	KLUSTER 2	KLUSTER 3	
2022	-	-	-	-	-	-	-
2023	92.84%	92.65%	93.65%	93.11%	92.68%	93.34%	100%
2024	99.34%	99.17%	99.47%	99.62%	99.76%	99.79%	100%

Pemilik Proses:

Bahagian Koordinasi TVET (BK TVET)

Bilangan program/aktiviti yang dihebahkan melalui media sosial institusi pada tahun semasa

TERAS 2: MEMANTAPKAN GOVERNAN YANG RESPONSIF DAN MAMPAN

Objektif Strategik:

2.2 Memperkukuh jenama dan reputasi POLYCC.

Definisi Operasi:

Politeknik dan kolej komuniti perlu mengekalkan daya tarikan untuk mendorong pelajar dan ibu bapa memilih politeknik dan kolej komuniti sebagai institusi pilihan pertama. Dengan adanya hebahan melalui platform media sosial rasmi yang konsisten berkaitan program/aktiviti di peringkat institusi, ianya membantu dan dapat menarik serta meningkatkan keterlihatan institusi di kaca mata pelajar lepasan menengah untuk mengikuti program TVET di POLYCC khususnya.

KPI menyasarkan bilangan program/aktiviti/majlis yang dilaksanakan di peringkat institusi.

Terdapat empat (4) elemen bagi hebahan, promosi dan publisiti di institusi yang terdiri daripada:

- Temu bual/hebahan/penulisan artikel di media konvensional (televisyen, radio dan surat khabar).
- Program jelajah pendidikan/pameran promosi institusi/program rakaman atau secara langsung menerusi platform media sosial.
- Penerbitan (infografik, poster, video, e-buletin/buletin, siaran media, *coffee table book*, cerita kejayaan/*success story* (pelajar/pensyarah/alumni)).
- Program khas/lawatan/kunjungan hormat.

Setiap program/aktiviti yang dilaksanakan perlu dihebahkan melalui media sosial rasmi institusi.

Sasaran:

JPPKK	POLITEKNIK					KOLEJ KOMUNITI		
	APEX	PREMIER	KLUSTER 1	KLUSTER 2	METrO	KLUSTER 1	KLUSTER 2	KLUSTER 3
15,690	200	180	160	140	130	130	110	90

Justifikasi:

Justifikasi sasaran KPI merujuk kepada trend pencapaian tiga (3) tahun sebelum.

Kaedah Pengukuran:

- Kaedah pengukuran berdasarkan bilangan hebahan, promosi dan publisiti serta program/aktiviti yang memberikan impak kepada institusi.
- Pelbagaikan rekaan poster setiap kali hebahan dibuat pada hari atau program yang berbeza.
- Tarikh pada dokumen bukti (Laporan Bulanan) adalah tarikh hebahan dibuat di media sosial.
- Hebahan/promosi/publisiti selain daripada program yang dilaksanakan di institusi, sila masukkan sekurang-kurangnya satu (1) setiap sukuan bagi maklumat berikut di bawah dan:
 - Cerita kejayaan (*success story*) pelajar/pensyarah/alumni (SS); atau
 - Program *corporate social responsibility* (CSR); atau
 - Program bersifat *human touch* (HT) bagi pelajar atau pensyarah atau warga kerja lain di dalam institusi.
- Hebahan/promosi/publisiti yang asalnya dan dikongsi daripada Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT), Jabatan Pendidikan Politeknik dan Kolej Komuniti (JPPKK), kementerian, jabatan, agensi lain atau mana-mana platform media massa/sosial yang dimuat naik semula (*reshare*) tidak akan diambil kira. (RESHARE)

Bilangan program/aktiviti yang dihebahkan melalui media sosial institusi pada tahun semasa

6. Sila masukkan kata kunci yang berkaitan pada Borang Pelaporan pada permulaan ayat di bahagian Perkara/Tajuk (SS), (CSR), (HT), (COUNTDOWN), (POSTER), (INFOGRAFIK), (PELAPORAN), (SIARAN MEDIA), (PENGAMBILAN PELAJAR), (KEUSAHAWANAN), (PSH), (ALUMNI) dan yang berkaitan.
7. Poster yang berulang bagi program yang sama akan dikira satu (1) hebahan sahaja. Contoh:
 - a. Kira detik (*countdown*) Hari Kebangsaan, Hari Konvokesyen, Pilihan Raya Kampus, validasi, program atau majlis berkaitan yang dimuat naik lebih dari sekali dikira sebagai satu (1) hebahan sahaja (COUNTDOWN);
 - b. Poster ucapan (hari lahir, tahniah, calon Majlis Perwakilan Pelajar (MPP) Politeknik/Jawatankuasa Perwakilan Pelajar (JPP) Kolej Komuniti dan yang berkaitan) yang melibatkan ramai pegawai serta berulang bagi program yang sama akan dikira satu (1) hebahan sahaja.
8. Setiap pelaporan dalam hebahan diwajibkan untuk meletakkan tajuk, tarikh, masa, pelaporan/sinopsis program dan gambar semasa program.
9. Hebahan pelaporan bagi program promosi ke sekolah, Program Pembelajaran Sepanjang Hayat (PSH) dan program promosi lain yang berkaitan perlulah dilaporkan dan dihebahkan secara berasingan.
10. Pelaporan yang dimuat naik dalam platform media sosial yang berbeza tetapi mempunyai isi kandungan yang sama antara satu sama lain tetap akan dikira satu (1) hebahan sahaja.
11. Pastikan borang Laporan Bulanan Hebahan disimpan dalam format .pdf serta berada dalam keadaan teratur dan bukan diimbas (*image scan*) sebelum dimuat naik ke dalam Sistem PERSIST 2.0
12. Bilangan hebahan wajib diletakkan pada kotak "Jumlah" dan "Jumlah Keseluruhan Bulanan" di setiap elemen dalam Borang Pelaporan Bulanan.

Dokumen Bukti:

Laporan Bulanan Hebahan Program/Aktiviti Institusi di Media Sosial Rasmi Institusi

Pelaporan melalui Sistem PERSIST:

Penyelaras KPI di institusi

Pegawai Bertanggungjawab:

Pegawai Perhubungan Awam (PRO) di POLYCC

Trend Pencapaian:

TAHUN	POLITEKNIK			KOLEJ KOMUNITI			PENCAPAIAN KESELURUHAN
	PREMIER/APACC	KONVENSIONAL	METrO	KLUSTER 1	KLUSTER 2	KLUSTER 3	
2022	2,030	4,794	783	6,013	5,556	3,790	22,966
2023	3,114	4,700	975	6,906	6,881	4,846	27,422
2024	2,837	3,963	957	7,129	5,962	4,601	25,449*

Nota: *Data pencapaian dikemas kini sehingga September 2024.

Pemilik Proses:

Unit Komunikasi dan Hubungan Korporat (UKK)

Templat Dokumen Bukti:



KEMENTERIAN PENDIDIKAN TINGGI
JABATAN PENDIDIKAN POLITEKNIK DAN KOLEJ KOMUNITI

Laporan bulanan hebahan program melalui media sosial rasmi institusi
bulan Januari 2025

POLITEKNIK KUCHING SARAWAK (PKS) // KOLEJ KOMUNITI KUALA KANGSAR (KKKK)

CONTOH / TATACARA PELAPORAN

No.	Tarikh	Jenis/Platform	Perkara/Tajuk	Pautan	Jumlah
A. Temu bual/Hebahan/Penulisan Artikel di media konvensional (televisyen, radio dan surat khabar)					5
1	7/1/2025	AKM @ BERNAMA TV	POLYCC @ AKM bersama-sama Encik Muhd Zaki bin Mustapha, TP BAPP JPPKK bertajuk 'Check in' Kolej Komuniti, 'Check out' Politeknik	(sertakan pautan (hebahan di salah satu medsos))	1
2	10/1/2025	Surat Khabar KOSMO (m/s 3)	Eksport Kayu Kayan Negara meningkat lebih 10%	(sertakan pautan (hebahan di salah satu medsos))	1
3	10/1/2025	Surat Khabar The Star (m/s 8)	Malaysia's Wood Export Increased	(sertakan pautan (hebahan di salah satu medsos))	1
4	21/1/2025	SPM RTM	YBrs. Ts. Abdul Razak bin Sabtu, Pengarah Kanan (Kompetensi), Jabatan Pendidikan Politeknik dan Kolej Komuniti (JPPKK) dengan membawakan topik TVET For All @ POLYCC	(sertakan pautan (hebahan di salah satu medsos))	1
5	22/1/2025	BH Online	[ARTIKEL] POLYCC dan TVET For All ditulis oleh Dr. Nafeesa Ridhuan	(sertakan pautan (hebahan di salah satu medsos))	1
B. Program jelajah pendidikan/pameran promosi institusi/program rakaman atau secara langsung menerusi platform media sosial					3
1	7/1/2025	FB	[PENGAMBILAN PELAJAR] Pelaporan sesi dengan ibu-bapa dan pelajar bagi pendaftaran ke POLYCC	(sertakan pautan (hebahan di salah satu medsos))	1
2	14/1/2025	FB/TikTok	Pameran/ Pelaporan Townhall / Focus Group Dialogue: Where will TVET go? by Dr. Nafeesa Ridhuan	(sertakan pautan (hebahan di salah satu medsos))	1
3	21/1/2025	FB/IG	[PAMERAN] Pelaporan POLYCC melahirkan graduan pembuat robotik bertaraf antarabangsa	(sertakan pautan (hebahan di salah satu medsos))	1
C. Penerbitan (poster, infografik, video, e-buletin/buletin, siaran media, coffee table book, cerita kejayaan/success story (pelajar/pensyarah)/program corporate social responsibility (CSR)/human touch)					5
1	7/1/2025	FB/IG	[POSTER] POLYCC @ AKM bersama-sama Encik Muhd Zaki bin Mustapha, TP BAPP JPPKK bertajuk 'Check in' Kolej Komuniti, 'Check out' Politeknik	(sertakan pautan (hebahan di salah satu medsos))	1
2	9/1/2025	FB/IG/TikTok	[SIARAN MEDIA] Export Kayu Kayan Beri Impak Tinggi kepada Negara dengan kenaikan 10%	(sertakan pautan (hebahan di salah satu medsos))	1
3	13/1/2025	FB/IG	[RESHARE] Poster KPT/UJKK: Jom Masuk POLYCC	(sertakan pautan (hebahan di salah satu medsos))	-
4	22/1/2025	FB/IG	[INFOGRAFIK] POLYCC dan TVET: Ke mana halatujuz? Pembentangan oleh Dr. Nafeesa Ridhuan	(sertakan pautan (hebahan di salah satu medsos))	1
5	23/1/2025	FB/IG	[POSTER] Ucapan Selamat Hari Lahir kepada Tuan Haji Ali bin Sahmi	(sertakan pautan (hebahan di salah satu medsos))	1
6	25/1/2025	FB/IG/TikTok	[SUCCESS STORY] Video Alumni POLYCC pembuat Pizza Maker Berjaya di sekitar Perak	(sertakan pautan (hebahan di salah satu medsos))	1
7	28/1/2025	FB/IG	[POSTER] Ucapan Selamat Hari Lahir kepada Puan Lalita a/p Devon	(sertakan pautan (hebahan di salah satu medsos))	-
D. Program khas/lawatan/kunjungan hormat					3
1	2/1/2025	FB	[PROGRAM KHAS] Temuduga untuk Biasiswa Pelajar 2025	(sertakan pautan (hebahan di salah satu medsos))	1
2	25/1/2025	FB	[LAWATAN KHAS] KPPPKK bagi sesi penyerahan surat tawaran Biasiswa Pelajar Sesi 1 2025/2026	(sertakan pautan (hebahan di salah satu medsos))	1
3	31/1/2025	FB	[CSR] JPPKK @ Program Bantuan Banjir di Zon Pantai Timur	(sertakan pautan (hebahan di salah satu medsos))	1
JUMLAH KESELURUHAN BULANAN					16

*Warna menunjukkan program/perkara yang sama tetapi tetap dikira kerana menggunakan platform dan hebahan yang berlainan.

*Sambutan hari lahir akan dikira sekali sahaja setiap bulan (Contoh: hebahan dalaman).

*Hebahan yang disiar semula (reshare) perlulah dimaklumkan sumber asal hebahan.

*Pastikan jumlah pada setiap elemen diletakkan.

*Pastikan setiap pautan boleh diklik dan membawa ke hebahan yang dilaporkan.

*Borang Laporan Bulanan disimpan dalam format .pdf dan berada dlm keadaan teratur serta bukan diimbas (image scan) sebelum dimuat naik ke Sistem PERSIST 2.0.

*Sila jangan ubah/tambah logo atau yang berkaitan pada Borang Laporan Bulanan

KPI 8

Bilangan program/aktiviti yang dihebahkan melalui media sosial institusi pada tahun semasa

PELAPORAN: SUKUAN

Templat Dokumen Bukti:



KEMENTERIAN PENDIDIKAN TINGGI
JABATAN PENDIDIKAN POLITEKNIK DAN KOLEJ KOMUNITI

CONTOH
PELAPORAN

Rumusan hebahan program melalui media sosial rasmi institusi
bagi tahun 2025

POLITEKNIK KUCHING SARAWAK (PKS) // KOLEJ KOMUNITI KUALA KANGSAR (KKKK)

No.	Perkara	Jan	Feb	Mac	Apr	Mei	Jun	Jul	Ogos	Sept	Okt	Nov	Dis	Jumlah
1	Temu bual/Hebahan/Penulisan Artikel di Media Konvensional (televisyen, radio dan surat khabar)	4												
2	Program jelajah pendidikan/pameran promosi institusi/program rakaman atau secara langsung menerusi platform media sosial	4												
3	Penerbitan (poster, infografik, video, e-buletin/buletin, siaran media, <i>coffee table book</i> , cerita kejayaan/ <i>success story</i> (pelajar/pensyarah)/program <i>corporate social responsibility</i> (CSR)/ <i>human touch</i>)	4												
4	Program khas/lawatan/kunjungan hormat	2												
JUMLAH KESELURUHAN BULANAN		14	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	14

Jumlah pelaporan mengikut bulanan bagi pengisian capaian

Jumlah KPI tahunan akan dikira

*Sila pastikan jumlah yang dilaporkan sama dengan Borang Laporan Bulanan dan nilai akhir dari Sistem PERSIST 2.0 selepas divalidasi.

TERAS 2: MEMANTAPKAN GOVERNAN YANG RESPONSIF DAN MAMPAN

Objektif Strategik:

2.2 Memperkukuh jenama dan reputasi POLYCC.

Definisi Operasi:

KPI bagi Centre of Technology (COT) diwujudkan untuk memantau, mengukur, dan menilai sejauh mana COT berjaya dalam mencapai objektif utamanya. Penubuhan COT ini diharapkan mampu menghasilkan graduan berkualiti tinggi, menjadi peneraju dalam inovasi teknologi, serta membentuk kerjasama industri yang kukuh. KPI ini juga dihasilkan selari dengan Revolusi Industri 4.0 dan pelaksanaan transformasi digital, yang menuntut kemahiran berteknologi tinggi, penyelidikan yang mantap, dan kerjasama strategik antara institusi pendidikan dan industri.

Selain itu, KPI Centre of Technology (COT) yang diwujudkan di politeknik perlu mencapai prestasi sekurang-kurangnya 50% melalui penilaian sendiri pada tahun semasa. Bahagian Perancangan Program dan Institusi (BPPI), JPPKK akan menentusahkan hasil penilaian yang dilaksanakan berdasarkan kepada keperluan.

Berdasarkan Pelan Tindakan Pendidikan Tinggi Malaysia 2022 - 2025, di bawah Lonjakan 4: Graduan TVET Berkualiti, Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT) menetapkan sasaran prestasi tinggi dengan matlamat sekurang-kurangnya dua institusi COT bertaraf 2 bintang mencapai markah pencapaian 90% dan ke atas. Sasaran ini mencerminkan komitmen KPT dalam memastikan graduan TVET bukan sahaja berkualiti tetapi juga mampu bersaing di peringkat global. Melalui pencapaian ini, institusi COT akan menjadi pusat kecemerlangan yang membekalkan graduan dengan kemahiran berimpak tinggi, selari dengan keperluan industri masa kini.

Penilaian COT dilaksanakan secara penilaian sendiri oleh setiap COT terhadap tujuh (7) elemen utama COT iaitu Penyelidikan dan Inovasi, Perkhidmatan Kepakaran, Pengajaran dan Pembelajaran, Kolaborasi, Penerbitan, Pengiktirafan dan Penjanaan Pendapatan mengikut kaedah pengukuran yang ditetapkan di dalam Buku Garis Panduan Pelaksanaan Centre of Technology Edisi 2020 seperti di pautan <https://bit.ly/4hqNWne>.

Sasaran:

JPPKK	POLITEKNIK					KOLEJ KOMUNITI		
	APEX	PREMIER	KLUSTER 1	KLUSTER 2	METrO	KLUSTER 1	KLUSTER 2	KLUSTER 3
60%	90%	50%	50%	50%	ITT	ITT	ITT	ITT

ITT: Institusi Tidak Terlibat

Institusi yang telah memperoleh Pengiktirafan COT bertaraf 2 bintang perlu mencapai prestasi sekurang-kurangnya 90%. Institusi yang terlibat dengan pengukuran ini adalah seperti berikut:

- i. PUO – Centre of Technology in Marine Engineering (CTME)
- ii. PUO – Centre of Air-conditioning and Refrigeration (CARE)
- iii. PSA – Centre for Medical Electronic Technology (CMET)
- iv. PIS – Creative Design Centre (CDeC)
- v. PSAS – Polytechnic Centre of Automotive and Manufacturing Technology (POLCAM)
- vi. POLISAS – Centre of Food Science and Technology (CFoST)
- vii. POLIMAS – Centre of Town and Regional Planning (CToP)
- viii. PPD – Centre of Architectural Technology (CArT)
- ix. PTSB – Mechatronic Robotic Technology Centre (MRTC)
- x. PMM – Centre of Tourism and Hospitality (CeTraH)
- xi. PSIS – Centre of Environmental Technology (CENTA)
- xii. PSMZA – Automotive Technology Centre
- xiii. PTSS – Media Creative Centre (MCC)

Justifikasi:

- i. Pelan Tindakan Pendidikan Tinggi Malaysia 2022-2025 – Lonjakan 4: Graduan TVET Berkualiti – Strategi E: Kepakaran Dalam Kecemerlangan Institusi – Inisiatif Utama 1: Pengiktirafan IPT berdasarkan kepelbagaian kecemerlangan institusi.
- ii. Wawasan Kemakmuran Bersama (WKB) 2030 – Teras Strategik 3: Modal Insan.
- iii. Industry 4WRD (National Policy on Industry 4.0).

Kaedah Pengukuran:

Setiap COT perlu melaksanakan penilaian sendiri bagi mana-mana elemen dan menghantar Laporan Pelaksanaan Aktiviti Centre of Technology (COT) Politeknik pada tahun semasa (Sila rujuk Garis Panduan Pelaksanaan Centre of Technology (COT) Politeknik Edisi 2020) kepada BPPI. Berdasarkan laporan tersebut, BPPI akan menentusahkan prestasi pencapaian COT. Elemen penilaian dan pemberatan markah:

Bil.	Elemen	Markah maksimum
1.	Kolaborasi	20%
2.	Penyelidikan dan Inovasi	40%
3.	Perkhidmatan Kepakaran	
4.	Penerbitan	20%
5.	Pengiktirafan	
6.	Pengajaran dan Pembelajaran	20%
7.	Penjanaan Pendapatan	
Jumlah Markah		100%

Dokumen Bukti:

Laporan Pelaksanaan Aktiviti Centre of Technology (COT) Politeknik (Sila Rujuk Garis Panduan Pelaksanaan Centre of Technology (COT) Politeknik Edisi 2020) – Lampiran E dan F.

Pelaporan melalui Sistem PERSIST:

Penyelaras KPI di POLYCC

Pegawai Bertanggungjawab:

Politeknik: Pengurus Centre of Technology (COT)

Trend Pencapaian:

Tiada data trend bagi tahun 2022 kerana KPI yang diukur adalah berbentuk bilangan COT. Bagi tahun 2023 dan 2024 pula, terdapat perbezaan data pencapaian kerana pernyataan KPI adalah berbeza seperti di bawah:

- KPI 2023: Merangkumi Centre of Technology (COT) Politeknik dan Industry of Campus (IOC) JPPKK yang telah diiktiraf mendapat sekurang-kurangnya prestasi pencapaian 80%.
- KPI 2024: Skor prestasi pencapaian Industry Education Centre (IEC).

TAHUN	POLITEKNIK			KOLEJ KOMUNITI			PENCAPAIAN KESELURUHAN
	PREMIER/APACC	KONVENSIONAL	METrO	KLUSTER 1	KLUSTER 2	KLUSTER 3	
2022	-	-	-	-	-	-	-
2023	100%	100%	-	-	-	-	100%
2024	50%	50%	-	-	-	-	28%*

Nota: *Data pencapaian dikemas kini sehingga September 2024.

Pemilik Proses:

Bahagian Perancangan Program dan Institusi (BPPI)

TERAS 2: MEMANTAPKAN GOVERNAN YANG RESPONSIF DAN MAMPAN

Objektif Strategik:

2.2 Memperkukuh jenama dan reputasi POLYCC.

Definisi Operasi:

Konsep Industry on Campus (IOC) diperkenalkan sebagai salah satu inisiatif untuk merapatkan jurang ketidakpadanan spesifikasi kerja graduan di institusi pendidikan melalui penglibatan aktif bersama industri berkepentingan. Inisiatif yang dilaksanakan ini dijangka dapat mengurangkan jurang di antara institusi pendidikan dengan industri. Di samping itu, ia mampu memberi nilai tambah kepada kemahiran graduan serta staf POLYCC, komuniti setempat dan pekerja industri.

KPI ini mensasarkan Industry on Campus (IOC) JPPKK yang dilaksanakan di Politeknik METrO dan Kolej Komuniti dan mencapai prestasi sekurang-kurangnya 50% melalui penilaian sendiri pada tahun semasa. Bahagian Perancangan Program dan Institusi (BPPI), JPPKK akan menentusahkan hasil penilaian sendiri yang dilaksanakan berdasarkan kepada garis panduan yang berkuat kuasa. Penilaian IOC dilaksanakan secara penilaian sendiri oleh setiap IOC terhadap empat (4) elemen utama IOC iaitu Perancangan Pengurusan IOC dan Kewangan, Mod Pelaksanaan IOC, Kolaborasi dan Infrastruktur mengikut kaedah pengukuran yang telah ditetapkan di dalam Garis Panduan Kriteria Penarafan Berteraskan Industry on Campus (IOC) JPPKK Edisi 2022 seperti di pautan <https://bit.ly/3C1SWi1>.

Sasaran:

JPPKK	POLITEKNIK					KOLEJ KOMUNITI		
	APEX	PREMIER	KLUSTER 1	KLUSTER 2	METrO	KLUSTER 1	KLUSTER 2	KLUSTER 3
60%	ITT	ITT	ITT	ITT	50%	50%	50%	ITT

ITT: Institusi Tidak Terlibat

Institusi yang telah memperoleh Pengiktirafan IOC perlu mencapai prestasi sekurang-kurangnya 80%. Institusi yang terlibat dengan pengukuran ini adalah seperti berikut:

- i. Politeknik METrO Tasek Gelugor – (Bidang Tujahan: Video dan Perfileman)
- ii. Politeknik METrO Johor Bahru – (Bidang Tujahan: Keusahawanan)
- iii. Politeknik METrO Kuala Lumpur – (Pelancongan dan Hospitaliti)
- iv. Kolej Komuniti Baling – (Bidang Tujahan: Fesyen dan Pakaian)
- v. Kolej Komuniti Selayang – (Bidang Tujahan: Games Art)
- vi. Kolej Komuniti Sungai Petani – (Bidang Tujahan: Perhotelan dan Kulineri)
- vii. Kolej Komuniti Kok Lanas – (Kecantikan dan Spa)
- viii. Kolej Komuniti Pekan – (Pelancongan)
- ix. Kolej Komuniti Kuala Pilah – (Baikpulih Telefon Pintar)
- x. Kolej Komuniti Hulu Langat – (Teknologi Penyejukan dan Penyamanan Udara)

Justifikasi:

- i. Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2015-2025 (Pendidikan Tinggi) PPPM (PT) – Lonjakan 4: Graduan TVET Berkualiti – Strategi E: Kepakaran dalam Kecemerlangan Institusi – Inisiatif Utama 1: Pengiktirafan IPT berdasarkan kepelbagaian kecemerlangan institusi.
- ii. Pelan Hala Tuju Transformasi Politeknik 2025-2035.
- iii. Wawasan Kemakmuran Bersama (WKB) 2030 – Teras Strategik 3: Modal Insan.
- iv. Industry 4WRD (National Policy on Industry 4.0).

Kaedah Pengukuran:

Setiap IOC JPPKK perlu melaksanakan penilaian sendiri bagi kesemua elemen (*one complete cycle*) dan menghantar Laporan Pelaksanaan Aktiviti Industry On Campus (IOC) kepada Bahagian Perancangan Program dan Institusi (BPPI). Berdasarkan kepada laporan tersebut, BPPI akan menentukan prestasi pencapaian IOC JPPKK. Elemen penilaian dan pemberatan markah yang diukur bagi KPI ini adalah seperti berikut:

Bil.	Elemen	Pemberatan (%)
1.	Perancangan Pengurusan IOC dan Kewangan	25%
2.	Mod Pelaksanaan Industry on Campus (IOC)	25%
3.	Kolaborasi	25%
4.	Infrastruktur	25%
Jumlah Markah		100%

Dokumen Bukti:

Laporan Pelaksanaan Aktiviti Industry on Campus (IOC) JPPKK (Sila Rujuk Garis Panduan Kriteria Penarafan Berteraskan Industry on Campus (IOC) JPPKK Edisi 2022) – Lampiran A dan Lampiran B.

Pelaporan melalui Sistem PERSIST:

Penyelaras KPI di POLYCC

Pegawai Bertanggungjawab:

Kolej komuniti: Pengurus Industry on Campus (IOC)

Trend Pencapaian:

TAHUN	POLITEKNIK			KOLEJ KOMUNITI			PENCAPAIAN KESELURUHAN
	PREMIER/APACC	KONVENSIONAL	METrO	KLUSTER 1	KLUSTER 2	KLUSTER 3	
2022	-	-	-	-	-	-	-
2023	-	-	-	-	-	-	-
2024	-	-	50%	50%	50%	-	28%*

Nota: *Data pencapaian dikemas kini sehingga September 2024.

Pemilik Proses:

Bahagian Perancangan Program dan Institusi (BPPI)

Peratus pelajar mendaftar di politeknik dan kolej komuniti berdasarkan norma ambilan

TERAS 2: MEMANTAPKAN GOVERNAN YANG RESPONSIF DAN MAMPAN

Objektif Strategik:

2.2 Memperkukuh jenama dan reputasi POLYCC.

Definisi Operasi:

KPI ini merupakan pendekatan sebagai strategi utama dalam mencapai sasaran seramai 300,000 pelajar menjelang tahun 2035, di bawah Agenda Pembaharuan Kritikal (CRA) ke-11, yang berfokus kepada Perluasan Akses. Inisiatif ini juga merupakan komponen penting dalam Pelan Hala Tuju Transformasi Politeknik 2023-2035 serta agenda pemerkasaan Kolej Komuniti, yang bertujuan meningkatkan capaian pendidikan teknikal dan vokasional di seluruh negara. Pendaftaran (*intake*) pelajar merujuk kepada bilangan pelajar yang mendaftar masuk ke program pengajian di politeknik dan kolej komuniti pada sesi ambilan perdana tahun semasa.

Melalui pendekatan ini, diharapkan institusi dapat menjadi pusat kecemerlangan yang bukan sahaja memenuhi matlamat enrolmen, tetapi juga melahirkan tenaga kerja yang berkualiti dan kompetitif di peringkat global.

Ambilan Perdana

Merujuk kepada penawaran dan pengambilan pelajar pada Sesi 1 tahun semasa.

Norma/Unjuran

Bilangan ambilan/tempat pengajian disediakan bagi tujuan penawaran program pengajian mengikut kategori tetapi tidak mengganggu/beri kesan jumlah keseluruhan ambilan institusi yang telah dipersetujui dalam Mesyuarat Unjuran bersama BPPI dan BKPK. Jumlah unjuran mesti sama atau lebih daripada unjuran rasmi.

Norma ambilan JPPKK bagi politeknik dan kolej komuniti adalah tertakluk kepada norma ambilan pelajar BPPI, maklum balas politeknik dan kolej komuniti serta arahan kementerian dari semasa ke semasa.

Cut Off Date (COD)

COD adalah sebulan selepas tarikh pendaftaran pelajar. (Ianya tertakluk pada tarikh pendaftaran pelajar baharu yang telah ditetapkan pada tahun semasa).

Sasaran:

JPPKK	POLITEKNIK					KOLEJ KOMUNITI		
	APEX	PREMIER	KLUSTER 1	KLUSTER 2	METrO	KLUSTER 1	KLUSTER 2	KLUSTER 3
90%	90%	90%	90%	90%	90%	85%	85 %	85%

Justifikasi:

Berdasarkan Agenda Pembaharuan Kritikal (CRA) ke-11, iaitu Agenda Perluasan Akses di bawah Pelan Hala Tuju Transformasi Politeknik 2023 - 2030 dan Pemerkasaan Kolej Komuniti.

KPI 11

Peratus pelajar mendaftar di politeknik dan kolej komuniti berdasarkan norma ambilan

Kaedah Pengukuran:

- i. Formula atau kaedah pengukuran yang digunakan untuk menghitung peratus pelajar mendaftar adalah seperti berikut:

$$\frac{\text{Numerator}}{\text{Denominator}} \times 100$$

Numerator: Bilangan pelajar yang mendaftar di politeknik dan kolej komuniti.

Denominator: Norma/unjuran sesi perdana politeknik dan kolej komuniti.

Dokumen Bukti:

Laporan Pencapaian Peratus Pelajar Mendaftar Berdasarkan Norma

Pelaporan melalui Sistem PERSIST:

Penyelaras KPI di POLYCC

Pegawai Bertanggungjawab:

- Politeknik: Pegawai Pengambilan dan Data
- Kolej komuniti: Pegawai Pengambilan

Trend Pencapaian:

TAHUN	POLITEKNIK			KOLEJ KOMUNITI			PENCAPAIAN KESELURUHAN
	PREMIER/APACC	KONVENSIONAL	METrO	KLUSTER 1	KLUSTER 2	KLUSTER 3	
2022	-	-	-	-	-	-	-
2023	92.00%	90.00%	92.00%	86.00%	91.00%	103.00%	92.00%
2024	89.00%	89.00%	75.00%	80.00%	94.00%	89.00%	86.00%*

Nota: *Data pencapaian dikemas kini sehingga September 2024.

Pemilik Proses:

Bahagian Pembangunan dan Ambilan Pelajar (BAPP)

KPI 11

Peratus pelajar mendaftar di politeknik dan kolej komuniti berdasarkan norma ambilan

Templat Dokumen Bukti:

PELAPORAN PENCAPAIAN KESELURUHAN
KPI 11: PERATUS PELAJAR MENDAFTAR DI POLITEKNIK DAN KOLEJ KOMUNITI BERDASARKAN NORMA

NAMA INSTITUSI : _____

KLUSTER : _____

BIL.	NAMA PROGRAM	NORMA	DAFTAR
JUMLAH KESELURUHAN			

$$\frac{\text{DAFTAR}}{\text{NORMA}} \times 100 = \boxed{}$$

CATATAN :

JPPKK	POLITEKNIK					KOLEJ KOMUNITI		
	APACC	PREMIER	KLUSTER 1	KLUSTER 2	METRO	KLUSTER 1	KLUSTER 2	KLUSTER 3
90%	90%	90%	90%	90%	90%	85%	85%	85%

PENGESAHAN

Disediakan oleh:

.....

()

Pegawai Pengambilan dan
Data/Pegawai Pengambilan

Tarikh:

Disemak oleh:

.....

()

Timbalan Pengarah

Tarikh:

Disahkan oleh:

.....

()

Pengarah

Tarikh:

TERAS 2: MEMANTAPKAN GOVERNAN YANG RESPONSIF DAN MAMPAN

Objektif Strategik:

2.3 Meningkatkan pengurusan kewangan yang cekap dan berhemah.

Definisi Operasi:

Perbelanjaan mengurus adalah perbelanjaan bagi maksud tanggungan dan maksud bekalan yang terdiri daripada emolumen, perkhidmatan dan bekalan, aset, pemberian dan kenaan bayaran tetap, dan perbelanjaan lain. Perbelanjaan tersebut diakaunkan dalam Akaun Hasil Disatukan menurut peruntukan Perkara 98, 100, 101, 102 dan 104 Perlembagaan Persekutuan dan Seksyen 13 Akta Tatacara Kewangan 1957 [Akta 61].

KPI menyasarkan pengumpulan data perbelanjaan mengurus bagi mengukur prestasi perbelanjaan secara keseluruhan pada tahun semasa. Julat peratusan minimum bagi setiap bulan adalah 8.33% dan mencapai 99% pada akhir tahun semasa.

Sasaran:

JPPKK	POLITEKNIK					KOLEJ KOMUNITI		
	APEX	PREMIER	KLUSTER 1	KLUSTER 2	METrO	KLUSTER 1	KLUSTER 2	KLUSTER 3
99%	99%	99%	99%	99%	99%	99%	99%	99%

Justifikasi:

Sasaran KPI adalah berdasarkan kepada Pekeliling Perbendaharaan (PB 1.2). Semua inisiatif belanjawan yang diumumkan oleh kerajaan perlu dilaksanakan secara cekap dan berkesan bagi menyokong pertumbuhan ekonomi negara.

Kaedah Pengukuran:

Data diperolehi dengan merujuk kepada laporan prestasi perbelanjaan (Disember) yang diambil daripada Laporan Vot Dana iGFMS selepas penutupan akaun.

Dokumen Bukti:

Laporan Vot Dana B64 akhir tahun selepas penutupan akaun yang diambil daripada Sistem iGFMS. (Dokumen bukti tidak perlu dimuat naik oleh penyelaras KPI dalam Sistem PERSIST 2.0)

Pelaporan melalui Sistem PERSIST:

Pemilik Proses di BKP

Pegawai Bertanggungjawab:

Penolong Akauntan/Penolong Pegawai Tadbir/Pembantu Tadbir Kewangan di POLYCC

KPI 12

Peratus prestasi perbelanjaan mengurus (B64)

PELAPORAN: TAHUNAN

Trend Pencapaian:

TAHUN	POLITEKNIK			KOLEJ KOMUNITI			PENCAPAIAN KESELURUHAN
	PREMIER/APACC	KONVENSIONAL	METrO	KLUSTER 1	KLUSTER 2	KLUSTER 3	
2022	99.83%	99.96%	99.86%	99.98%	99.87%	99.19%	99.88%
2023	100.00%	100.00%	100.00%	100.00%	100.00%	100.00%	100.00%
2024	-	-	-	-	-	-	77.67%*

Nota: *Data pencapaian dikemas kini sehingga September 2024.

Pemilik Proses:

Bahagian Khidmat Pengurusan (BKP)

Peratus prestasi pengurusan pembayaran bil dan tuntutan dalam tempoh tujuh (7) hari selepas dokumen lengkap diterima

TERAS 2: MEMANTAPKAN GOVERNAN YANG RESPONSIF DAN MAMPAN

Objektif Strategik:

2.3 Meningkatkan pengurusan kewangan yang cekap dan berhemah.

Definisi Operasi:

Arahan Perbendaharaan 103 (a) telah menetapkan bahawa Ketua Jabatan hendaklah memastikan bil dan tuntutan dibayar dengan segera dalam tempoh 14 hari dari tarikh ianya diterima dengan lengkap dan sempurna. Bagi mengelakkan perkara ini berlaku, surat KSU rujukan KPT.400-1/3/5(61) bertarikh 9 Mac 2022 pula telah menetapkan pelaksanaan pembayaran bil dalam tempoh tujuh (7) hari di Kementerian Pendidikan Tinggi.

Pengiraan bil tujuh (7) hari adalah seperti berikut:

- i. Sistem ePerolehan (Invois eP): Dari tarikh invois dikunci masuk oleh pembekal sehingga bayaran diterima oleh pembekal. (Status 80)
- ii. Sistem iGFMAS (Tuntutan Perjalanan, Elaun Lebih Masa, Pindah Rumah, Elaun Gangguan, Bil Telefon, Surat Khabar, Pos Laju, Pakaian Panas, Bayaran Penceramah dan lain-lain): Dari tarikh terima di Unit Kewangan bagi dokumen lengkap dan sempurna sehingga bayaran diterima oleh pembekal. (Status 80)

Sasaran:

JPPKK	POLITEKNIK					KOLEJ KOMUNITI		
	APEX	PREMIER	KLUSTER 1	KLUSTER 2	METrO	KLUSTER 1	KLUSTER 2	KLUSTER 3
95%	95%	95%	95%	95%	95%	95%	95%	95%

Justifikasi:

Semua bil dan tuntutan hendaklah dibayar dengan segera tidak melebihi tujuh (7) hari dari tarikh bil diterima dengan lengkap dan sempurna bagi mengelakkan isu pembayaran bil melebihi 14 hari yang tidak mematuhi Arahan Perbendaharaan 103(a) (AP103(a)).

Kaedah Pengukuran:

Formula atau kaedah pengukuran yang digunakan untuk menghitung peratus prestasi pengurusan pembayaran bil adalah seperti berikut:

$$\frac{\text{Numerator}}{\text{Denominator}} \times 100$$

Numerator: Bilangan bil yang tidak melebihi tujuh (7) hari

Denominator: Jumlah keseluruhan bil

Dokumen Bukti:

Laporan Prestasi Proses Pembayaran Bil Sempurna daripada Bahagian Akaun KPT bagi POLYCC. (Dokumen bukti tidak perlu dimuat naik oleh penyelaras KPI dalam Sistem PERSIST 2.0)

Pelaporan melalui Sistem PERSIST:

Pemilik Proses di BKP

KPI 13

PELAPORAN: TAHUNAN

Peratus prestasi pengurusan pembayaran bil dan tuntutan dalam tempoh tujuh (7) hari selepas dokumen lengkap diterima

Pegawai Bertanggungjawab:

Penolong Akauntan/Penolong Pegawai Tadbir/Pembantu Tadbir Kewangan di POLYCC

Trend Pencapaian:

TAHUN	POLITEKNIK			KOLEJ KOMUNITI			PENCAPAIAN KESELURUHAN
	PREMIER/APACC	KONVENSIONAL	METRO	KLUSTER 1	KLUSTER 2	KLUSTER 3	
2022	99.96%	99.94%	99.77%	99.31%	98.16%	98.95%	99.35%
2023	100.00%	100.00%	100.00%	99.37%	98.33%	99.17%	99.48%
2024	-	-	-	-	-	-	-

Pemilik Proses:

Bahagian Khidmat Pengurusan (BKP)

Peratus pensyarah bagi kursus teras bidang di institusi memiliki kemahiran industri pada tahun semasa

TERAS 3: PEMERKASAAN BAKAT

Objektif Strategik:

3.1 Mempertingkatkan perkongsian pengetahuan antara PPPT dan pengamal industri secara berterusan.

Definisi Operasi:

Dalam konteks memperkasa Pendidikan Tinggi melalui Lonjakan 2: Kecemerlangan Bakat dalam Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2015-2025 (Pendidikan Tinggi) – PPPM (PT) memberi fokus kepada pengembangan kemahiran dan kolaborasi profesional dalam kalangan Pegawai Pendidikan Pengajian Tinggi (PPPT). Sehubungan itu, KPI diwujudkan untuk mengukur tahap pemeraksanaan bakat melalui peratusan pensyarah kursus teras bidang yang memiliki kemahiran industri terkini.

Kemahiran industri diukur berdasarkan perkara berikut:

- i. Pensyarah teras bidang yang pernah melengkapkan sangkutan industri sekurang-kurangnya sebulan; atau
- ii. Pensyarah mempunyai kelayakan profesional/sijil profesional.

Catatan:

- a. Pensyarah teras bidang:
 - i. Di politeknik – adalah pensyarah yang ditempatkan mengikut pengisian waran di Jabatan Akademik Induk (selain Jabatan Matematik, Sains dan Komputer serta Jabatan Pengajian Am) untuk mengajar kursus-kursus teras dalam satu-satu program pengajian;
 - ii. Di kolej komuniti – adalah penyandang waran perjawatan “Pensyarah” dan bukannya “Pensyarah Pendidikan Sepanjang Hayat” mahupun “Pensyarah yang mengajar mata pelajaran Bahasa Inggeris/Agama sahaja”.
- b. Kelayakan profesional/sijil profesional yang diambil kira adalah yang masih sah tempoh sehingga 31 Disember pada tahun semasa.
- c. Kelayakan profesional adalah gelaran profesional yang diiktiraf oleh badan profesional.
- d. Sijil profesional adalah bermaksud sijil kelayakan yang mendapat pengiktirafan daripada badan profesional/agensi/persatuan/industri yang dibenarkan membuktikan bahawa pegawai mempunyai pengetahuan, pengalaman dan kemahiran untuk melaksanakan tugas khusus dan tugas-tugas di mana mereka telah dilatih.

Sasaran:

JPPKK	POLITEKNIK					KOLEJ KOMUNITI		
	APEX	PREMIER	KLUSTER 1	KLUSTER 2	METRO	KLUSTER 1	KLUSTER 2	KLUSTER 3
50%	50%	50%	50%	50%	50%	50%	50%	50%

Justifikasi:

- i. Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2015-2025 (Pendidikan Tinggi) PPPM (PT) – Lonjakan 2: Kecemerlangan Bakat.
- ii. Tenaga pengajar TVET yang berpengetahuan serta memiliki kemahiran industri merupakan keperluan badan-badan akreditasi.

Peratus pensyarah bagi kursus teras bidang di institusi memiliki kemahiran industri pada tahun semasa

Kaedah Pengukuran:

Formula atau kaedah pengukuran yang digunakan untuk menghitung pencapaian KPI ini adalah seperti berikut:

$$\frac{\text{Numerator}}{\text{Denominator}} \times 100$$

Numerator: Jumlah pensyarah kursus teras bidang yang memiliki kemahiran industri pada tahun berkaitan

Denominator: Reten pengisian perjawatan pensyarah teras bidang berdasarkan ketetapan awal tahun dan kajian separuh tahun dalam tahun berkaitan

Dokumen Bukti:

1. Pegawai Latihan

- Perlu menyediakan dokumen bukti seperti jadual di bawah ke dalam aplikasi digital (bukan Sistem PERSIST 2.0) yang disediakan oleh Pemilik Proses.

BIL	DEFINISI OPERASI	DOKUMEN BUKTI
1.	Pensyarah mempunyai kelayakan profesional/sijil profesional.	Sijil pengiktirafan yang masih sah tempoh pada 31 Disember tahun semasa.

- Bagi program sangkutan pensyarah di industri, Pegawai Latihan tidak perlu menyediakan bahan bukti ke dalam aplikasi digital (bukan Sistem PERSIST 2.0). Maklumat tersebut akan disediakan oleh Pemilik Proses.
2. Dokumen bukti tidak perlu dimuat naik oleh Penyelaras KPI ke dalam Sistem PERSIST 2.0.

Pelaporan melalui Sistem PERSIST:

Pemilik Proses di BKPK

Pegawai Bertanggungjawab:

- Politeknik: Pegawai Latihan dan Pendidikan Lanjutan
- Kolej komuniti: Pegawai Latihan dan Pembangunan Staf

Trend Pencapaian:

TAHUN	POLITEKNIK			KOLEJ KOMUNITI			PENCAPAIAN KESELURUHAN
	PREMIER/APACC	KONVENSIONAL	METRO	KLUSTER 1	KLUSTER 2	KLUSTER 3	
2022	37.30%	37.30%	37.30%	37.30%	37.30%	37.30%	37.30%
2023	42.12%	42.12%	42.12%	42.12%	42.12%	42.12%	42.12%
2024	47.55%	47.55%	47.55%	47.55%	47.55%	47.55%	47.55%*

Nota: *Data pencapaian dikemas kini sehingga September 2024.

Pemilik Proses:

Bahagian Kompetensi dan Peningkatan Kerjaya (BKPK)

Bilangan bahan dan platform pembelajaran digital berteraskan imersif dan AI yang dihasilkan oleh politeknik dan kolej komuniti

TERAS 4: PEMANTAPAN PROGRAM PENGAJIAN

Objektif Strategik:

4.1 Meningkatkan keberkesanan mekanisma penyampaian.

Definisi Operasi:

Pembelajaran dalam talian telah menyumbang secara signifikan kepada transformasi landskap pendidikan Malaysia. Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2015-2025 (Pendidikan Tinggi) – PPPM (PT) melalui Lonjakan ke 9 mensasarkan agar pembelajaran dalam talian ini akan berkembang sehingga mencapai pembelajaran di tahap global (GOL). Bagi mencapai hasrat ini, pembangunan kandungan digital yang menyokong pembelajaran dalam talian tersebut perlu dibangunkan dan ditambah baik dari semasa ke semasa kerana bahan sokongan yang menarik dan berteknologi menjamin kepada pendidikan dalam talian yang berkualiti. Kandungan digital yang dimaksudkan termasuklah e-Buku, interaktif e-Buku, video tutorial, video PdP, video 360, *augmented reality* (AR), *virtual reality* (VR) dan sebagainya.

JPPKK melalui BIPD merancang satu usaha berterusan dalam membangunkan dan memperbanyak simpanan bahan digital dengan tujuan untuk menyokong pembelajaran secara dalam talian sama ada pembelajaran secara teradun mahupun sepenuhnya dalam talian (CIDOS/MC). Selain itu, pendedahan kepada teknologi terkini seperti teknologi imersif dan kecerdasan buatan (AI) sebagai cabang kepada jenis-jenis bahan digital turut menjadi agenda utama melalui KPI ini. Oleh itu, KPI ini perlu disambut oleh warga Politeknik dan Kolej Komuniti Malaysia agar ianya dapat memastikan politeknik dan kolej komuniti sentiasa menjadi institusi TVET pilihan Malaysia.

Bahan digital membawa maksud sebarang kandungan yang wujud dalam bentuk data digital. Ianya termasuklah e-Buku, interaktif e-Buku, video tutorial, video PdP dan sebagainya.

Bahan digital berteraskan imersif merujuk kepada kandungan digital yang memberikan pengalaman yang mendalam dan interaktif kepada pengguna, seolah-olah mereka berada dalam persekitaran maya yang nyata.

Manakala bahan digital berteraskan AI merujuk kepada kandungan digital yang dibangunkan menggunakan teknologi generatif AI sebagai tools pembangunan.

KPI ini menyasarkan pembangunan bahan digital Pembelajaran dan Pengajaran (PdP) yang terdiri daripada empat (4) item:

- Item 1: Pembangunan bahan aplikasi interaktif e-Buku/aplikasi interaktif e-Buku mempunyai elemen *augmented reality* (AR)
- Item 2: Pembangunan bahan video PdP/video dokumentari/VR/Video 360
- Item 3: Pembangunan Micro-credentials (MC) - Mandiri (Politeknik)/Platform kursus CIDOS yang lengkap (Kolej Komuniti)
- Item 4: Pembangunan bahan video PdP menggunakan teknologi kecerdasan buatan (AI)

Perincian pembangunan bagi kriteria setiap pembangunan adalah merujuk kepada garis panduan yang dikeluarkan oleh Bahagian Instruksional dan Pembelajaran Digital (BIPD) dari semasa ke semasa. Penyelarasan pembangunan bahan digital PdP di peringkat POLYCC dilaksanakan oleh Jawatankuasa e-Pembelajaran yang diketuai oleh Timbalan Pengarah Akademik (TPA) dan dibantu oleh Ketua-Ketua Jabatan (Politeknik)/Ketua-Ketua Program (KK), Pegawai e-Pembelajaran (PeL) dan Pegawai Multimedia dan Sumber (MARO).

KPI 15

PELAPORAN: SUKUAN

Bilangan bahan dan platform pembelajaran digital berteraskan Imersif dan AI yang dihasilkan oleh politeknik dan kolej komuniti

Sasaran:

JPPKK	POLITEKNIK					KOLEJ KOMUNITI		
	APEX	PREMIER	KLUSTER 1	KLUSTER 2	METrO	KLUSTER 1	KLUSTER 2	KLUSTER 3
695	13	13	11	8	7	4	4	3

Justifikasi:

Pembangunan bahan dan platform pembelajaran digital berteraskan imersif dan AI selari dengan Lonjakan 9: Pembelajaran Dalam Talian Tahap Global – Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2015-2025 (Pendidikan Tinggi) PPPM (PT).

Kaedah Pengukuran:

1. Bilangan bahan dan platform pembelajaran digital berteraskan imersif dan AI yang dihasilkan oleh politeknik dan kolej komuniti adalah merujuk kepada Jumlah Bilangan Bahan Digital.
2. Jumlah Bilangan Bahan Digital = Bil. Item 1 + Bil. Item 2 + Bil. Item 3 + Bil. Item 4
3. Jumlah Bilangan Bahan Digital yang perlu dicapai merupakan sasaran minimum bagi semua institusi.

ITEM	POLITEKNIK					KOLEJ KOMUNITI		
	APEX	PREMIER	KLUSTER 1	KLUSTER 2	METrO	KLUSTER 1	KLUSTER 2	KLUSTER 3
ITEM 1	5	5	4	2	2	2	2	1
ITEM 2	2	2	2	2	2	1	1	1
ITEM 3	2	2	2	2	1	1	1	1
ITEM 4	4	4	3	2	2	0	0	0
JUMLAH	13	13	11	8	7	4	4	3

Dokumen Bukti:

Laporan Pencapaian Pembangunan Bilangan Bahan dan Platform Pembelajaran Digital Berteraskan Imersif dan AI

Pelaporan melalui Sistem PERSIST:

Penyelaras KPI di POLYCC

Pegawai Bertanggungjawab:

Timbalan Pengarah Akademik (TPA)/Timbalan Pengarah (TP)

KPI 15

PELAPORAN: SUKUAN

Bilangan bahan dan platform pembelajaran digital berteraskan Imersif dan AI yang dihasilkan oleh politeknik dan kolej komuniti

Trend Pencapaian:

TAHUN	POLITEKNIK			KOLEJ KOMUNITI			PENCAPAIAN KESELURUHAN
	PREMIER/APACC	KONVENSIONAL	METrO	KLUSTER 1	KLUSTER 2	KLUSTER 3	
2022	5	3	2	-	-	-	159
2023	7	5	4	-	-	-	195
2024	8	6	5	3	2	1	253*

Nota: *Data pencapaian dikemas kini sehingga September 2024.

Pemilik Proses:

Bahagian Instruksional dan Pembelajaran Digital (BIPD)

KPI 15

Bilangan bahan dan platform pembelajaran digital berteraskan Imersif dan AI yang dihasilkan oleh politeknik dan kolej komuniti

PELAPORAN: SUKUAN

LAPORAN PENCAPAIAN PEMBANGUNAN BILANGAN BAHAN DAN PLATFORM PEMBELAJARAN DIGITAL BERTERASKAN IMERSIF DAN AI

INSTITUSI: _____

JENIS BAHAN DIGITAL:

- 1 Item 1: Pembangunan bahan aplikasi interaktif e-Buku/aplikasi interaktif e-Buku mempunyai elemen AR
- 2 Item 2: Pembangunan bahan video PdP/video dokumentari/VR/Video 360
- 3 Item 3: Pembangunan Micro-credentials (MC) - Mandiri (Politeknik)/Platform kursus CIDOS yang lengkap (Kolej Komuniti)
- 4 Item 4: Pembangunan bahan video PdP menggunakan teknologi kecerdasan buatan (AI)

*** Nota penting:**

Institusi bertanggungjawab menyemak terlebih dahulu bahan digital yang dimuatnaik telah diperakui keabsahan dan memenuhi kriteria yang ditetapkan oleh pihak BIPD
Laporan Pencapaian Pembangunan Bahan Digital Pembelajaran dan Pengajaran (PdP) perlu dimuat naik dalam format *.pdf

BIL.	TAJUK	JENIS BAHAN DIGITAL (e-BUKU/VIDEO/MC/AI)	SINOPSIS	PAUTAN BAHAN Item 1, Item 2 dan Item 4 - dimuat naik ke Sistem SHOUTSTORE Item 3 - dimuat naik ke Sistem MC
1				
2				
3				
4				
5				
6				
7				
8				
9				
10				

PEGAWAI YANG MELAPORKAN : _____

PEGAWAI YANG MENGESAHKAN : _____

Bilangan industri yang bekerjasama dengan institusi bagi menghasilkan kolaborasi berimpak tinggi

TERAS 5: MEMPERKUKUH KOLABORASI INDUSTRI, KOMUNITI DAN ALUMNI

Objektif Strategik:

5.1 Memperkukuh jaringan industri-institusi.

Definisi Operasi:

Industri bermaksud organisasi luar selain politeknik/kolej komuniti seperti sektor awam, sektor swasta, Pertubuhan Bukan Kerajaan (NGO), badan profesional termasuk industri/agensi dari luar negara.

Aktiviti kolaborasi industri berimpak tinggi merujuk kepada aktiviti kolaborasi yang berterusan dan memberi manfaat kepada program pengajian, warga institusi dan komuniti dalam tahun semasa, seperti yang berikut:

1. Program perkongsian ilmu oleh CEO@POLYCC yang dilantik oleh Menteri Pendidikan Tinggi; atau
2. Pelaksanaan program Work-Based Learning (WBL) dengan penawaran pekerjaan; atau
3. Inisiatif bersama industri yang berkebolehan menjana pendapatan melalui Centre of Technology (COT), Industry on Campus (IOC) dan Reskilling and Upskilling Centre (RUC), Pusat Bertauliah dan Program Pembelajaran Sepanjang Hayat (PSH); atau
4. Penajaan latihan dan pensijilan kepada pelajar atau pensyarah, iaitu pelaksanaan latihan yang menghasilkan pensijilan profesional/ pensijilan industri/pensijilan kompetensi, di mana kos latihan ditanggung oleh industri sepenuhnya atau separuh kos ditanggung institusi; atau
5. Sumbangan atau perkongsian peralatan, iaitu sumbangan peralatan PdP/sumbangan peralatan memudahkan PdP/sumbangan peralatan umum/biasiswa/hadiah kecemerlangan pelajar/bantuan kewangan *one-off* pelajar atau pensyarah/perkongsian peralatan PdP/perkongsian peralatan memudahkan PdP/perkongsian peralatan umum/perkongsian tempat program/sumbangan bagi penganjuran Focus Group Dialogue (FGD); atau
6. Pensyarah mengikuti Program Sangkutan di Industri; atau
7. Pelaksanaan Latihan Industri Berstruktur (LIB):
 - i. LIB dilaksanakan dengan kerjasama industri yang menyediakan struktur latihan yang terancang sepanjang tempoh latihan industri; dan
 - ii. Pelajar didedahkan dengan kemahiran tambahan berbentuk kemahiran teknikal dan/atau kemahiran insaniah yang bersesuaian mengikut keperluan industri; dan
 - iii. Tempoh latihan tambahan bergantung kepada industri dan penawaran pekerjaan perlu diberikan sebaik sahaja tamat Latihan Industri (LI) oleh industri yang sama; atau
8. Penempatan pekerjaan mengikut bidang pengajian (dalam tempoh 6 bulan selepas tamat pengajian) dengan gaji pokok permulaan mengikut kelayakan berdasarkan Piawaian Pengelasan Pekerjaan Malaysia (MASCO), Panduan Gaji Permulaan Berasaskan Kemahiran Bagi Lulusan Sijil dan Diploma Kemahiran Malaysia atau Setaraf Dengannya oleh Kementerian Sumber Manusia (<https://emasco.mohr.gov.my/masco>) iaitu:
 - i. Ijazah: RM2,737.20; atau
 - ii. Diploma: RM2,304.18; atau
 - iii. Sijil: RM1,994.88

Bilangan industri yang bekerjasama dengan institusi bagi menghasilkan kolaborasi berimpak tinggi

9. Penyelidikan, Pembangunan, Pengkomersialan dan Inovasi (RDCI) bersama-sama industri merujuk kepada kerjasama industri dan institusi yang melibatkan RDCI dalam penghasilan produk/perkhidmatan yang berpotensi untuk dikomersialkan dengan kriteria seperti berikut:
- Menghasilkan kertas penyelidikan hasil kerjasama industri; atau
 - Geran penyelidikan sama ada dalam bentuk kerjasama yang melibatkan kewangan/peralatan/fasiliti (Contoh: PPRN/T-ARGS/MOSTI/FRGS/TRGS/TAIGS/TACGS dan lain-lain); atau
 - Pembangunan inovasi hasil kerjasama industri yang melibatkan prototaip/produk/kepakaran; atau
 - Pengkomersialan produk/perkhidmatan yang melibatkan kerjasama daripada industri.

Sasaran:

JPPKK	POLITEKNIK					KOLEJ KOMUNITI		
	APEX	PREMIER	KLUSTER 1	KLUSTER 2	METRO	KLUSTER 1	KLUSTER 2	KLUSTER 3
370	6	6	4	4	3	4	2	1

Justifikasi:

- Rancangan Malaysia Kedua Belas, 2021-2025 (RMKe-12) – Fokus Kedua: Memperkukuh Pemangkin Pertumbuhan.
- Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2015-2025 (Pendidikan Tinggi) PPPM (PT) – Lonjakan 4: Graduan TVET Berkualiti.
- Pelan Tindakan Pendidikan Tinggi Malaysia 2022-2025.
- Hala Tuju Transformasi Politeknik 2023-2035

Kaedah Pengukuran:

Pengukuran adalah berdasarkan pengiraan bilangan industri yang bekerjasama dengan institusi bagi menghasilkan kolaborasi berimpak tinggi. Bilangan industri hanya dinilai sekali sahaja untuk setiap aktiviti bagi setiap institusi.

Dokumen Bukti:

Laporan Pelaksanaan Aktiviti Kolaborasi Berimpak Tinggi

Pelaporan melalui Sistem PERSIST:

Penyelaras KPI di POLYCC

Pegawai Bertanggungjawab:

Politeknik: Ketua Corporate, Industrial Services and Employability Centre (CISEC)

Kolej komuniti: Pegawai Perhubungan Industri dan Alumni (PPIA)

KPI 16

PELAPORAN: SUKUAN

Bilangan industri yang bekerjasama dengan institusi bagi menghasilkan kolaborasi berimpak tinggi

Trend Pencapaian:

TAHUN	POLITEKNIK			KOLEJ KOMUNITI			PENCAPAIAN KESELURUHAN
	PREMIER/APACC	KONVENSIONAL	METrO	KLUSTER 1	KLUSTER 2	KLUSTER 3	
2022	169	143	30	123	85	48	598
2023	186	169	60	190	119	73	797
2024	130	78	21	116	72	27	444*

Nota: *Data pencapaian dikemas kini sehingga September 2024.

Pemilik Proses:

Bahagian Kolaborasi Industri dan Komuniti (BKIK)

KPI 16

Bilangan industri yang bekerjasama dengan institusi bagi menghasilkan kolaborasi berimpak tinggi

PELAPORAN: SUKUAN

Templat Dokumen Bukti:

LAPORAN PELAKSANAAN AKTIVITI KOLABORASI IMPAK TINGGI
KPI 16: Bilangan Industri yang bekerjasama dengan institusi bagi menghasilkan kolaborasi berimpak tinggi pada tahun semasa

NAMA INSTITUSI			
NAMA PROGRAM			
BIDANG PROGRAM			
KATEGORI PROGRAM (Mohon tandakan yang berkenaan sahaja)	Kategori		Tandakan ✓
	1.	Program perkongsian ilmu oleh CEO@POLYCC yang dilantik oleh Menteri Pendidikan Tinggi. Contoh Dokumen Bukti: Laporan Program	
	2.	Pelaksanaan program Work Based Learning (WBL). Contoh Dokumen Bukti: Surat tawaran WBL dan Tawaran Kerja	
	3.	Inisiatif bersama INDUSTRI yang berkebolehan menjana pendapatan (Contoh: COT/ IOC/ RUC/Pusat Bertauliah/ Program Pembelajaran Sepanjang Hayat). Contoh Dokumen Bukti: Surat/Laporan tajaan oleh industri yang menjana pendapatan dan Penyata Kewangan/nilai janaan pendapatan	
	4.	Penajaan latihan tambahan/pensijilan industri/ kompetensi/profesional kepada pelajar/pensyarah. Contoh Dokumen Bukti: Surat Tajaan Industri dan Sijil Kompetensi	
	5.	Sumbangan/bantuan kewangan atau perkongsian peralatan/tempat. Contoh Dokumen Bukti: Surat Bukti Sumbangan dan Nilai Sumbangan/ Surat Persetujuan Perkongsian Peralatan/Tempat	
	6.	Pensyarah mengikuti Program Sangkutan di Industri (SIP). Contoh Dokumen Bukti: Surat Tawaran SIP	
	7.	Latihan Industri Berstruktur (LIB) dilaksanakan dengan kerjasama industri yang menyediakan struktur latihan yang terancang sepanjang tempoh latihan industri. Contoh Dokumen Bukti: Surat Tawaran LI, Struktur LIB/ Surat Tawaran Pekerjaan	
	8.	Penempatan pekerjaan dengan gaji permulaan mengikut kelayakan: i. Ijazah: RM 2,737.20 ii. Diploma: RM 2,304.18 iii. Sijil: RM 1,994.88 Contoh Dokumen Bukti: Surat Tawaran Penempatan Pekerjaan (Surat Tawaran Tahun Semasa)	
	9.	Penyelidikan, Pembangunan, Inovasi dan Pengkomersialan (RDIC) bersama industri yang melibatkan penghasilan produk/perkhidmatan. Contoh Dokumen Bukti: Surat Tawaran/Penghargaan/Laporan RDIC bersama-sama industri	

KPI 16

Bilangan industri yang bekerjasama dengan institusi bagi menghasilkan kolaborasi berimpak tinggi

PELAPORAN: SUKUAN

Templat Dokumen Bukti:

RINGKASAN LATAR BELAKANG/ MAKLUMAT PROGRAM (Seperti - Pengenalan ringkas, objektif, pelaksanaan, penglibatan pelajar/ staf, jenis janaan pendapatan/tajaan latihan/sumbangan bagi peralatan yang disumbang/ pekerjaan dan gaji yang ditawarkan/ produk yang dihasilkan/struktur LIB)							
TARIKH PROGRAM							
TEMPAT PROGRAM							
NAMA INDUSTRI TERLIBAT (Mohon sertakan Nama dan Alamat Penuh Syarikat)	<table border="1"><thead><tr><th>NAMA INDUSTRI</th><th>ALAMAT INDUSTRI</th></tr></thead><tbody><tr><td></td><td></td></tr><tr><td></td><td></td></tr></tbody></table>	NAMA INDUSTRI	ALAMAT INDUSTRI				
NAMA INDUSTRI	ALAMAT INDUSTRI						
KATEGORI INDUSTRI	<ul style="list-style-type: none"><input type="checkbox"/> Syarikat Multinasional (MNC)<input type="checkbox"/> Syarikat Berkaitan/Milik Kerajaan (GLC/GLIC)<input type="checkbox"/> Perusahaan Mikro, Kecil dan Sederhana (PMKS)/Micro, Small and Medium Enterprises (MSME)<input type="checkbox"/> Badan Berkanun Kerajaan Negeri/Persekutuan<input type="checkbox"/> Jabatan Kerajaan Negeri/Persekutuan<input type="checkbox"/> Pertubuhan Bukan Kerajaan (NGO)						

KPI 16

Bilangan industri yang bekerjasama dengan institusi bagi menghasilkan kolaborasi berimpak tinggi

PELAPORAN: SUKUAN

Templat Dokumen Bukti:

JUMLAH NILAI: JANAAN/ RDIC/ TAJAAN/ SUMBANGAN (Kepada pelajar/ institusi/staf untuk kategori 3, 4, 5 dan 9)	Jumlah nilai janaan hasil pendapatan daripada inisiatif/RDIC bersama industri: Atau Jumlah nilai tajaan latihan tambahan/pensijilan industri/profesional kepada pelajar/pensyarah: Atau Jumlah nilai sumbangan peralatan PdP/biasiswa/ hadiah/bantuan kewangan kepada pelajar:	<div style="border: 1px solid black; width: 100%; height: 100%; display: flex; align-items: center; justify-content: center;">RM _____</div>
IMPAK PROGRAM (Kepada institusi/ staf/pelajar/ kurikulum/lain-lain)		
GAMBAR /LAMPIRAN BERKAITAN (Mohon lampirkan dokumen berkaitan)	- Mohon sertakan di lampiran yang berasingan -	

Disediakan oleh:

Disahkan oleh:

Nota: Pengesahan boleh dibuat oleh Pengarah/Timbangan Pengarah/Ketua Jabatan/Ketua Unit/Ketua Program.

KPI 15/BKIK/2025

Bilangan penerbitan penyelidikan oleh warga politeknik dan kolej komuniti pada tahun semasa

TERAS 6: MEMBUDAYA PENYELIDIKAN DAN INOVASI

Objektif Strategik:

6.1 Memperkasa ekosistem penyelidikan, inovasi dan pemindahan teknologi.

Definisi Operasi:

Pembangunan ekosistem inovasi menjadi antara lonjakan yang digariskan dalam Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2015-2025 (Pendidikan Tinggi) – PPPM (PT) untuk memacu pertumbuhan ekonomi negara selari dengan tuntutan perubahan teknologi. Melalui pengukuran yang jelas dan sistematik, KPI ini bukan sahaja akan memacu kualiti penyelidikan, tetapi juga memperkukuhkan budaya penyelidikan dalam kalangan warga akademik dan penyelidik di institusi. Dengan ini, kita dapat membina asas yang kukuh bagi pembangunan ilmu pengetahuan dan inovasi yang berterusan.

KPI bagi bilangan penerbitan penyelidikan oleh warga politeknik dan kolej komuniti pada tahun semasa merangkumi dua kriteria iaitu:

- i. **Politeknik:** Merujuk kepada bilangan kertas penyelidikan yang diterbitkan oleh warga politeknik pada tahun semasa.
 - Kertas penyelidikan yang diterbitkan perlu mengandungi beberapa elemen seperti pengenalan, pernyataan masalah, objektif kajian, metodologi, analisis, keputusan, perbincangan dan kesimpulan. Kertas penyelidikan yang diterbitkan juga perlu melalui proses perwasitan (*review*) oleh pakar yang dilantik oleh penerbit.
- ii. **Kolej komuniti:** Merujuk kepada bilangan kertas penyelidikan yang diterbitkan oleh warga kolej komuniti pada tahun semasa atau laporan output daripada aktiviti pemindahan teknologi/ pengetahuan yang diterbitkan oleh warga kolej komuniti pada tahun semasa.
 - a. Kertas penyelidikan yang diterbitkan perlu mengandungi beberapa elemen seperti pengenalan, pernyataan masalah, objektif kajian, metodologi, analisis, keputusan, perbincangan dan kesimpulan. Kertas penyelidikan yang diterbitkan juga perlu melalui proses perwasitan (*review*) oleh pakar yang dilantik oleh penerbit.; atau
 - b. Laporan output daripada aktiviti pemindahan teknologi/pengetahuan yang melibatkan komuniti atau industri yang diterbitkan perlu mengandungi elemen seperti pengenalan, matlamat program, objektif program (yang boleh diukur), impak program beserta analisis data berdasarkan objektif program (analisis data boleh dilaksanakan secara kualitatif atau kuantitatif), penutup beserta lampiran termasuk gambar, senarai staf/pelajar/komuniti yang terlibat serta pengesahan laporan oleh pengarah institusi dan wakil komuniti/industri.

Sasaran:

JPPKK	POLITEKNIK					KOLEJ KOMUNITI		
	APEX	PREMIER	KLUSTER 1	KLUSTER 2	METrO	KLUSTER 1	KLUSTER 2	KLUSTER 3
925	32	31	26	10	5	5	2	1

Justifikasi:

Merujuk kepada Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2015-2025 (Pendidikan Tinggi) PPPM (PT) – Lonjakan 7: Ekosistem Inovasi.

Bilangan penerbitan penyelidikan oleh warga politeknik dan kolej komuniti pada tahun semasa

Kaedah Pengukuran:

- i. Bilangan kertas penyelidikan penuh yang disediakan oleh PPPT politeknik dan kolej komuniti pada tahun semasa yang diterbitkan sama ada di dalam *digest* (penyelidikan)/e-Buku/jurnal/prosiding di peringkat zon/kebangsaan/antarabangsa; atau
- ii. Bilangan laporan output daripada aktiviti pemindahan teknologi/pengetahuan yang melibatkan komuniti atau industri pada tahun semasa yang diterbitkan oleh kolej komuniti.

Dokumen Bukti:

Dokumen bukti bagi satu (1) kertas penyelidikan penuh mestilah mengandungi perkara seperti berikut:

- a. Kertas penyelidikan penuh yang diterbitkan pada tahun semasa;
- b. Muka depan *digest* (penyelidikan)/e-Buku/jurnal/prosiding;
- c. Maklumat kertas penyelidikan:
 - i. Isi kandungan tajuk penyelidikan; dan
 - ii. No. DOI./No. ISBN/e-ISBN/ISSN/URL

Sila muat naik dokumen bukti secara pakej (a+b+c).

Dokumen bukti bagi satu (1) laporan output daripada aktiviti pemindahan teknologi/pengetahuan yang melibatkan komuniti atau industri mestilah mengandungi perkara seperti berikut:

- a. Laporan penuh yang diterbitkan pada tahun semasa;
- b. Muka depan laporan
- c. Maklumat laporan:
 - i. Isi Kandungan
 - ii. No. ISBN/e-ISBN/URL bagi terbitan secara dalam talian

Sila muat naik dokumen bukti secara pakej (a+b+c).

Catatan:

1. Sekiranya berlaku perpindahan pensyarah dari satu institusi ke institusi yang lain. Kertas penyelidikan yang dimuat naik akan dikira di bawah institusi yang asal sebelum perpindahan.
2. Penyelaras tidak perlu memuat naik satu buku sama ada *digest* (penyelidikan)/e-Buku/jurnal/prosiding untuk tujuan dokumen bukti. Penyelaras perlu memuat naik kertas penyelidikan milik pensyarah institusi masing-masing sahaja.

Pelaporan melalui Sistem PERSIST:

Penyelaras KPI di POLYCC

Pegawai Bertanggungjawab:

Ketua Unit Penyelidikan, Inovasi dan Komersialan (KUPIK) di POLYCC

KPI 17

Bilangan penerbitan penyelidikan oleh warga politeknik dan kolej komuniti pada tahun semasa

PELAPORAN: SUKUAN

Trend Pencapaian:

TAHUN	POLITEKNIK			KOLEJ KOMUNITI			PENCAPAIAN KESELURUHAN
	PREMIER/APACC	KONVENSIONAL	METrO	KLUSTER 1	KLUSTER 2	KLUSTER 3	
2022	387	343	14	130	85	32	991
2023	564	704	36	229	113	50	1696
2024	364	288	21	127	48	27	875*

Nota: *Data pencapaian dikemas kini sehingga September 2024.

Pemilik Proses:

Pusat Penyelidikan dan Inovasi (PPI)

TERAS 6: MEMBUDAYA PENYELIDIKAN DAN INOVASI

Objektif Strategik:

6.1 Memperkasa ekosistem penyelidikan, inovasi dan pemindahan teknologi.

Definisi Operasi:

Ekosistem inovasi dalam Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2015-2025 (Pendidikan Tinggi) – PPPM (PT) melalui Lonjakan 7 bertujuan untuk menjadikan institusi pendidikan tinggi sebagai pusat penyelesaian masalah dan pencipta nilai. Fokus utamanya adalah kepada penyelidikan gunaan yang boleh disesuaikan dengan keperluan industri bagi menghasilkan produk dan perkhidmatan inovatif.

Pelan ini disokong oleh Pelan Strategik Politeknik dan Kolej Komuniti (2018-2025), melalui Teras 6, yang menekankan aspek Membudaya Penyelidikan dan Inovasi. Pencapaian utama teras ini diukur berdasarkan bilangan inovasi yang diaplikasikan dalam industri setiap tahun, yang merangkumi penghasilan produk atau perkhidmatan baharu, komersialisasi inovasi yang menyumbang kepada ekonomi, serta impak penggunaannya dalam sektor kritikal. Lonjakan ini juga memberi penekanan kepada impak sosial dan ekonomi melalui aplikasi praktikal inovasi yang dihasilkan oleh institusi pendidikan tinggi.

Pencapaian ini diukur berdasarkan bilangan produk atau perkhidmatan inovasi yang berjaya dihasilkan dan diaplikasikan dalam tahun semasa. Beberapa aspek utama pencapaian ini termasuk:

- i. Penghasilan Produk atau Perkhidmatan Baharu
 - Produk atau perkhidmatan ini mungkin merangkumi bidang seperti teknologi hijau, digital, kesihatan, dan pendidikan. Pada tahun semasa, KPI akan mengukur jumlah inovasi yang telah mencapai peringkat aplikasi praktikal di pasaran atau dalam institusi awam
- ii. Komersialisasi
 - Setiap produk yang dihasilkan berpotensi untuk dikomersialkan, menjadikannya sumber pendapatan bagi institusi pendidikan tinggi serta menyumbang kepada ekonomi negara
- iii. Penggunaan dalam Industri
 - Kejayaan inovasi turut diukur melalui penggunaannya dalam industri sebenar, sama ada dalam sektor swasta atau awam. Setiap produk atau perkhidmatan yang diaplikasikan menunjukkan keberkesanan usaha institusi pendidikan tinggi dalam menyelesaikan masalah yang relevan.

Bagi pembangunan produk atau perkhidmatan inovasi oleh institusi, peruntukan OS 39000 disalurkan mengikut sasaran yang ditetapkan untuk membolehkan hak eksklusif difailkan melalui pemfailan harta intelek pada tahun semasa.

Selain itu, produk atau perkhidmatan inovasi yang dibangunkan oleh pelajar dalam projek akhir dengan kerjasama bersama industri, agensi, jabatan, atau komuniti juga diiktiraf sebagai produk atau perkhidmatan yang diaplikasikan pada tahun semasa.

Bilangan Produk Inovasi yang Berjaya Diaplikasikan (*Solution Provider*)

- i. Dalam kalangan institusi:
 - Produk diaplikasikan di politeknik atau kolej komuniti yang lain. Sebagai contoh, produk yang dihasilkan di Politeknik/Kolej Komuniti A diaplikasikan di Politeknik/Kolej Komuniti B.
- ii. Institusi luar:
 - Produk diaplikasikan di luar ekosistem politeknik dan kolej komuniti, seperti di industri, agensi, jabatan, atau komuniti.

Bilangan produk inovasi yang diaplikasikan pada tahun semasa

Sasaran:

JPPKK	POLITEKNIK					KOLEJ KOMUNITI		
	APEX	PREMIER	KLUSTER 1	KLUSTER 2	METrO	KLUSTER 1	KLUSTER 2	KLUSTER 3
155	3	3	2	1	1	1	1	1

Justifikasi:

- i. Pelan Tindakan Pendidikan Tinggi Malaysia (PTPTM) 2022-2025 – Lonjakan 7: Ekosistem Inovasi
- ii. Melalui Pelan Strategik Politeknik dan Kolej Komuniti (2018-2025), fokus diberikan kepada membangun budaya penyelidikan yang kompetitif dan inovatif dalam kalangan warga kerja dan pelajar. Sasaran KPI ini merujuk kepada peningkatan kapasiti institusi dan pensyarah dalam mencapai matlamat yang ditetapkan bagi memastikan kelestarian penyelidikan serta inovasi yang relevan dengan keperluan industri dan masyarakat.

Kaedah Pengukuran:

- i. Produk yang dihasilkan itu boleh diaplikasikan/*solution provider* oleh KPT/institusi/agensi/ jabatan/ komuniti pada tahun semasa.
- ii. Produk yang telah diaplikasikan pada tahun lepas tidak boleh digunakan untuk tahun berikutnya.

Dokumen Bukti:

- a. Surat Pengesahan produk/perkhidmatan diaplikasikan pada tahun semasa.
 - i. Bukti surat pengesahan dari institusi/industri/agensi/jabatan/komuniti atau surat penamatan projek (PPRN) dari KPT berkaitan produk inovasi yang diaplikasikan/*solution provider* pada tahun semasa; dan
- b. Pendaftaran Harta Intelek pada tahun semasa
 - i. Notis pemberitahuan/Sijil Pendaftaran Harta Intelek/surat perlindungan harta intelek (hak cipta)/paten/pembaharuan utiliti/reka bentuk perindustrian/cap dagang/*integrated circuit* pada tahun semasa; atau
 - ii. Resit pembayaran yang tiada nombor pendaftaran tidak diterima melainkan Borang Permohonan CR1 turut dilampirkan bersama.
- c. Laporan produk/perkhidmatan diaplikasikan pada tahun semasa
 - i. Laporan produk yang diaplikasikan di institusi/industri/agensi/jabatan/komuniti; dan
 - ii. Borang Maklum Balas dilampirkan dalam Laporan.

Nota: Bukti Dokumen yang perlu dimuat naik (a(i) + b(i) atau b(ii) + c (i + ii).

Pelaporan melalui Sistem PERSIST:

Penyelaras KPI di POLYCC

Pegawai Bertanggungjawab:

Ketua Unit Penyelidikan, Inovasi dan Komersialan (KUPIK) di POLYCC

KPI 18

Bilangan produk inovasi yang diaplikasikan pada tahun semasa

PELAPORAN: SUKUAN

Trend Pencapaian:

TAHUN	POLITEKNIK			KOLEJ KOMUNITI			PENCAPAIAN KESELURUHAN
	PREMIER/APACC	KONVENSIONAL	METrO	KLUSTER 1	KLUSTER 2	KLUSTER 3	
2022	26	41	5	32	ITT	ITT	104
2023	51	51	5	37	ITT	ITT	144
2024	32	44	3	25	17	ITT	121*

Nota: *Data pencapaian dikemas kini sehingga September 2024.

ITT: Institusi Tidak Terlibat

Pemilik Proses:

Pusat Penyelidikan dan Inovasi (PPI)

Bilangan penyertaan Program Pembelajaran Sepanjang Hayat (PSH) pada tahun semasa

TERAS 7 : MEMPERKUKUH PEMBELAJARAN SEPANJANG HAYAT

Objektif Strategik:

7.1 Melahirkan komuniti berkemahiran.

Definisi Operasi:

PSH akan menjadi cara hidup seluruh warga Malaysia. Program PSH akan ditingkatkan supaya menjadi lebih berkualiti, sama ada formal mahupun tidak formal, dalam pelbagai bidang dan laluan untuk pembangunan profesional serta individu. Pelajar PSH merangkumi warga setiap organisasi dan satu mekanisme formal akan dibentuk bagi mengiktiraf pengalaman dan pendidikan terdahulu. Setiap individu akan mendapat akses tanpa mengira tahap pendapatan ataupun latar belakang.

PSH dibahagikan kepada tiga (3) kategori Pembelajaran Sepanjang Hayat iaitu formal, bukan formal, dan tidak formal. Berikut adalah penerangan mengenai setiap kategori:

- i. **PSH formal** merangkumi pembelajaran yang dilakukan dalam organisasi pembelajaran formal yang boleh memberikan kelayakan akademik atau bentuk pembelajaran yang diiktiraf.
- ii. **PSH bukan formal** merupakan pembelajaran yang dilakukan di tempat alternatif yang bukan dalam persekitaran institusi yang formal. Program ini selalunya boleh jadi sistematik dan direka bentuk dengan baik.
- iii. **PSH tidak formal** merupakan PSH yang paling kurang terstruktur daripada tiga (3) bentuk ini. PSH tidak formal mencakupi program berasaskan komuniti yang bertujuan menangani jurang kemahiran, keperluan masyarakat atau kebimbangan sosial yang memerlukan perhatian segera.

Sumber: Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM) 2015-2025 (Pendidikan Tinggi)

Bilangan penyertaan program PSH merujuk kepada penyertaan dalam program PSH yang dijalankan di politeknik dan kolej komuniti. Penyertaan adalah merujuk kepada kategori peserta seperti di bawah:

Politeknik

Kategori peserta PSH:

Kategori	Keterangan
Industri	<ul style="list-style-type: none"> • Penyertaan dari industri/agensi swasta.
Komuniti	<ul style="list-style-type: none"> • Masyarakat/orang awam.
Pelajar	<ul style="list-style-type: none"> • Pelajar sekolah dan IPTA/IPTS • Penyertaan pelajar politeknik diambil kira sekiranya membayar yuran kursus PSH. Jika latihan pelajar politeknik melibatkan peruntukan latihan dari JPPKK/ Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT) tidak boleh dikira sebagai penyertaan PSH.
Pensyarah/staf	<ul style="list-style-type: none"> • Penyertaan dari pensyarah/staf Politeknik diambil kira sekiranya membayar yuran kursus PSH. Jika latihan pensyarah/staf melibatkan peruntukan latihan dari JPPKK/ Kementerian Pendidikan Tinggi tidak boleh dikira sebagai penyertaan PSH.

Kolej komuniti:

- i. Penyertaan terbuka kepada semua warganegara Malaysia.
- ii. Kumpulan fokus: belia, golongan B40, ibu tunggal, warga emas, Orang Kurang Upaya (OKU) dan Orang Asli.

Bilangan penyertaan Program Pembelajaran Sepanjang Hayat (PSH) pada tahun semasa

Sasaran:

JPPKK	POLITEKNIK					KOLEJ KOMUNITI		
	APEX	PREMIER	KLUSTER 1	KLUSTER 2	METrO	KLUSTER 1	KLUSTER 2	KLUSTER 3
183,450	850	850	750	750	500	3,000	1,500	600

Justifikasi:

- Berdasarkan sasaran Lonjakan 3 – Menghayati Pembelajaran Sepanjang Hayat dalam Pelan Tindakan Pendidikan Tinggi Malaysia 2022-2025 (PTPTM).
- Minit Mesyuarat MPJPPKK Bil. 14/2024.

Kaedah Pengukuran:

Politeknik:

Bilangan penyertaan PSH politeknik adalah 26,550 dengan mengambil kira program berikut		JPPKK	POLITEKNIK				
			APEX	PREMIER	KLUSTER 1	KLUSTER 2	METrO
1.	Penyertaan pekerja industri i. Penyertaan pekerja industri dalam program <i>reskilling/upskilling</i> industri di bawah PSH ii. Sasaran: 20% penyertaan daripada jumlah sasaran penyertaan PSH (5,310 penyertaan)	5,310	170	170	150	150	100
2.	Penyertaan dalam Program PSH bercirikan Revolusi Industri 4.0 i. Penyertaan dalam Program PSH bercirikan Revolusi Industri 4.0 seperti Internet of Things (IoT), Kecerdasan Buatan (AI), <i>Big Data</i> , <i>Autonomous Robot</i> , <i>Cybersecurity</i> , <i>Cloud Computing</i> , <i>Additive Manufacturing</i> , <i>Augmented Reality (AR)</i> dan <i>System Integration</i> . ii. Sasaran: 10% penyertaan daripada jumlah sasaran penyertaan PSH (2,655 penyertaan).	2,655	85	85	75	75	50
3.	Penyertaan dalam Program PSH yang dilaksanakan secara dalam talian (<i>online</i>) i. Penyertaan dalam Program PSH yang dilaksanakan secara dalam talian (<i>online</i>). ii. Sasaran: 10% penyertaan daripada jumlah sasaran penyertaan PSH (2,655 penyertaan).	2,655	85	85	75	75	50

Kaedah Pengukuran:

Kolej komuniti:

Bilangan penyertaan PSH kolej komuniti adalah 156,900 dengan mengambil kira program/aktiviti berikut:		JPPKK	Kolej Komuniti		
			Kluster 1	Kluster 2	Kluster 3
1.	<p>Bilangan peserta program PSH yang berjaya menjana/meningkatkan pendapatan.</p> <p>i. Peserta yang menyertai program PSH dan berjaya menjana pendapatan dinilai sekurang-kurangnya tiga (3) bulan selepas peserta PSH berkenaan menyertai program kemahiran dan keusahawanan.</p> <p>ii. Sasaran keseluruhan bagi kolej komuniti: 500 peserta.</p>	500	10	4	2
2.	<p>Bilangan program PSH bercirikan teknologi digital.</p> <p>i. Teknologi digital adalah peralatan elektronik, sistem, peranti dan sumber yang boleh menghasilkan, menyimpan dan memproses data seperti media sosial, permainan komputer, multimedia dan telefon bimbit. Contoh seperti program 4IR, keusahawanan digital, grafik dan multimedia serta program <i>Science, Technology, Engineering and Mathematics</i> (STEM).</p> <p>ii. Sasaran keseluruhan bagi kolej komuniti: 2,000 program.</p>	2,000	39	18	8
3.	<p>Bilangan program PSH yang dijalankan secara berkolaborasi dengan pihak luar.</p> <p>i. Program PSH yang dijalankan secara bekerjasama dengan pihak luar selain kolej komuniti seperti industri, agensi awam, agensi swasta, Non-Government Organization (NGO), badan profesional dan industri/agensi luar negara memberi manfaat kepada program PSH, institusi dan komuniti. Antara skop kerjasama adalah seperti berikut:</p> <p>a. penglibatan peserta;</p> <p>b. perkongsian ilmu dan kepakaran;</p> <p>c. sumbangan/pemberian penajaan; dan</p> <p>d. sumbangan atau perkongsian peralatan atau kemudahan.</p> <p>ii. Sasaran keseluruhan bagi kolej komuniti: 1,100 program.</p>	1,100	22	10	4
4.	<p>Bilangan program Pendidikan Islam Sepanjang Hayat (PISH).</p> <p>i. PISH merupakan inisiatif yang menggabungkan latihan kemahiran dan pendidikan agama Islam. Dua (2) aspirasi pernyataan Pelan Induk PISH 2017 - 2025 iaitu:</p> <p>a. semua pelajar tahfiz dan pondok perlu diberikan ilmu kemahiran TVET dan keusahawanan; dan</p> <p>b. semua umat Islam mendapat peluang yang luas untuk mengikuti PISH.</p> <p>ii. Sasaran keseluruhan bagi kolej komuniti: 1,000 program.</p>	1,000	20	9	4
5.	<p>Bilangan penyertaan dalam program PSH Bermodul (Kredit)</p> <p>i. PSH Bermodul (Kredit) merupakan modul pembelajaran masa depan pendidikan tinggi negara yang berkonsepkan pendidikan fleksibel berasaskan proses kerja sebenar merangkumi kompetensi teknikal, pengetahuan dan sosial. Program ini menyediakan akses kepada semua lapisan masyarakat dan menyediakan alternatif pembelajaran sama ada secara mandiri (<i>stand alone</i>) atau secara berturutan (<i>stackable</i>) menggunakan pakej lengkap modul kemahiran PSH Bermodul. PSH Bermodul (Kredit) membuka peluang untuk permohonan Accreditation of Prior Experiential Learning (APEL) iaitu:</p> <p>a. APEL for Admission (APEL-A) bagi kemasukan ke Institusi Pengajian; atau</p> <p>b. APEL for Credit Transfer (APEL-C) bagi perpindahan kredit.</p> <p>ii. Sasaran keseluruhan bagi kolej komuniti: 180 penyertaan</p>	180		180	

KPI 19

PELAPORAN: SUKUAN

Bilangan penyertaan Program Pembelajaran Sepanjang Hayat (PSH) pada tahun semasa

Dokumen Bukti:

Suapan data penyertaan daripada Sistem ePSH.

Pelaporan melalui Sistem PERSIST:

Pemilik Proses di BKIK dan BPN

Pegawai Bertanggungjawab:

- Politeknik: Pegawai Latihan dan Pendidikan Lanjutan
- Kolej Komuniti: Ketua Unit Pembelajaran Sepanjang Hayat/Pegawai Unit Pembelajaran Sepanjang Hayat

Trend Pencapaian:

TAHUN	POLITEKNIK			KOLEJ KOMUNITI			PENCAPAIAN KESELURUHAN
	PREMIER/APACC	KONVENSIONAL	METrO	KLUSTER 1	KLUSTER 2	KLUSTER 3	
2022	15,138	24,752	3,155	135,341	77,291	33,277	288,954
2023	16,017	25,734	3,473	136,365	85,310	38,135	305,034
2024	10,130	21,464	2,788	113,726	57,806	32,142	238,056*

Nota: *Data pencapaian dikemas kini sehingga September 2024.

Pemilik Proses:

Bahagian Kolaborasi Industri dan Komuniti (BKIK)
Bahagian Peperiksaan dan Penilaian (BPN)

WAJARAN

NO. KPI	PERNYATAAN KPI	SASARAN	WAJARAN							
			POLITEKNIK					KOLEJ KOMUNITI		
			APEX	Premier	Kluster 1	Kluster 2	METRO	Kluster 1	Kluster 2	Kluster 3
1	Peratus kebolehpasaran graduan politeknik dan kolej komuniti.	95%	7.00%	7.00%	7.00%	7.00%	7.00%	7.00%	7.00%	7.00%
2	Peratus graduan yang menceburi bidang keusahawanan atau bekerja sendiri	10%	6.00%	6.00%	6.00%	6.00%	6.00%	6.00%	6.00%	6.00%
3	Bilangan program pembangunan pelajar berciri holistik	1084	5.00%	5.00%	5.00%	5.00%	5.00%	5.00%	5.00%	5.00%
4	Bilangan pelajar yang berjaya ke peringkat kebangsaan atau antarabangsa	477	5.00%	5.00%	5.00%	5.00%	5.00%	5.00%	5.00%	5.00%
5	Bilangan pengiktirafan daripada badan/agensi di peringkat kebangsaan atau antarabangsa	144	6.00%	6.00%	6.00%	6.00%	6.00%	5.00%	5.00%	5.00%
6	Bilangan program ke arah kelestarian tadbir urus institusi	258	5.00%	5.00%	5.00%	5.00%	5.00%	6.00%	6.00%	6.00%
7	Skor kualiti data POLYCC	90%	6.00%	6.00%	6.00%	6.00%	6.00%	6.00%	6.00%	6.00%
8	Bilangan program/aktiviti yang dihebahkan melalui media sosial institusi pada tahun semasa	15,690	4.00%	4.00%	4.00%	4.00%	4.00%	4.00%	4.00%	4.00%
9	Skor prestasi pencapaian Centre Of Technology (COT)	60%	5.00%	5.00%	5.00%	5.00%				
10	Skor prestasi pencapaian Industry on Campus (IOC)	60%					5.00%	4.00%	4.00%	
11	Peratus pelajar mendaftar di politeknik dan kolej komuniti berdasarkan norma ambilan	90%	6.00%	6.00%	6.00%	6.00%	6.00%	6.00%	6.00%	6.00%
12	Peratus prestasi perbelanjaan mengurus (B64)	99%	6.00%	6.00%	6.00%	6.00%	6.00%	6.00%	6.00%	6.00%
13	Peratus prestasi pengurusan pembayaran bil dan tuntutan dalam tempoh tujuh (7) hari selepas dokumen lengkap diterima	95%	6.00%	6.00%	6.00%	6.00%	6.00%	6.00%	6.00%	6.00%
14	Peratus pensyarah bagi kursus teras bidang di institusi memiliki kemahiran industri pada tahun semasa	50%	5.00%	5.00%	5.00%	5.00%	5.00%	5.00%	5.00%	5.00%
15	Bilangan bahan dan platform pembelajaran digital berteraskan Imersif dan AI yang dihasilkan oleh politeknik dan kolej komuniti	695	5.00%	5.00%	5.00%	5.00%	5.00%	5.00%	5.00%	5.00%
16	Bilangan industri yang bekerjasama dengan institusi bagi menghasilkan kolaborasi berimpak tinggi	370	6.00%	6.00%	6.00%	6.00%	6.00%	5.00%	5.00%	5.00%
17	Bilangan penerbitan penyelidikan oleh warga politeknik dan kolej komuniti pada tahun semasa	925	6.00%	6.00%	6.00%	6.00%	6.00%	6.00%	6.00%	6.00%
18	Bilangan produk inovasi yang diaplikasikan pada tahun semasa	155	6.00%	6.00%	6.00%	6.00%	6.00%	6.00%	6.00%	6.00%
19	Bilangan penyertaan Program Pembelajaran Sepanjang Hayat (PSH) pada tahun semasa	183,450	5.00%	5.00%	5.00%	5.00%	5.00%	7.00%	7.00%	7.00%
TOTAL:			100.00%	100.00%	100.00%	100.00%	100.00%	100.00%	100.00%	96.00%

SIDANG REDAKSI

PENAUNG

Dato' Dr. Haji Mohd Zahari bin Ismail

PENASIHAT

Tn. Haji Kamaludin bin Daud

PENGERUSI

Sr. Haji Razali bin Johari

TIMBALAN PENGERUSI

Rahaidah binti Abd Rahim

KETUA PENYUNTING & REKA BENTUK

Md Idris bin Isa

PENYUNTING

Dr. Noorul 'Ain binti Md Shariff
Nor Maisarah binti Ali @ Abdul Aziz
Nor Adila Hanim binti Ab Kadir

PENYEMAK PRUF

Ts. Fatin Shafinas binti Rokman
(Munysi Muda)

PENULIS

Nur Sabrina binti Mohd Tahar, Ts. Nor Isman bin Hassan, Shamsanirul Nizam bin Ismail, Madihah binti Paiizi, Nik Afqah binti Kamil, Haryaty Sua Liya binti Sukimin, Zaifah binti Che Wil, Nurain binti Mohamad Izzuan Wong, Iza Kasmiza binti Kasmijan, Muhamad Ali bin Romizan, Azwansyah bin Zulkifli, Khalsa Afariza binti Mohd. Apami@Mohd. Affami, Nor Akmaliah binti Mohd Zain, Wan Hartiny binti Wan Abdul, Muhammad Kamil Jazli bin Abd Wahab, Mohd Ghanim bin Ghazali, Firdaus bin Hassan, Norazmira binti Zainuddin, Ts. Zunaidah binti Razali, Halida binti Mohd Zahari

PENGHARGAAN

Pihak Unit Kecemerlangan Institusi (UKI), Bahagian Governan dan Kecemerlangan JPPKK merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada semua yang telah menyumbang idea serta kepakaran dalam membangunkan Kamus KPI POLYCC 2025.

Penghargaan ini ditujukan kepada:

Ketua Pengarah: Dato' Dr. Haji Mohd Zahari bin Ismail
Timbalan Ketua Pengarah (Perancangan): Ts. Haji Muhamad Rumzi bin Mamat
Timbalan Ketua Pengarah (Governan): Ts. Haji Kamaludin bin Daud
Pengarah Kanan (Kompetensi): Ts. Abdul Razak bin Sabtu
Pengarah BK TVET: Dr. Norhayati binti Ibrahim
Pengarah BPPI: En. A.Azman bin Arshad
Pengarah PPI: Dr. Noriah binti Abdul Malek@ Malek
Pengarah BGK: Sr. Haji Razali bin Johari
Pengarah BKIK: Dr. Riam a/p Chau Mai
Pengarah BK: Dr. Zamzam bin Mohd Walid
Pengarah BIPD: Y.M. Tengku Besaruddin Shah bin Tengku Yaakob
Pengarah BPN: Pn. Hilmun binti Mohamed
Pengarah BAPP: Tn. Haji Azirin bin Abdul Aziz
Pengarah BKP: Tn. Haji Khairil Anuar bin Karim
Timbalan Pengarah PPICT: Ts. Dr. Anuar bin Hassan
Ketua Unit UKK: En. Abdul Hadi bin Mustaffa

Ts. Zulkurnain bin Shahadan, Tn. Haji Ulaimi bin Yahya, Lt. Kolonel Norizam bin Sekak, Hjh. Zamra bt Derahman, Dr. Faudzi bin Muhammad, Ts. Roseman bin Mat Jidin@Jidin, Pn. Roszita binti Shamsuddin, Cik Norasmah binti Jaafar, En. Khairul Anuar bin Ab. Wahab, Pn. Sharini binti Zakaria, En. Rudiansah bin Nonche, Dr. Shahiza Ahmad Zainuddin, Dr. Anwar bin Hamid @ Pa, Pn. Norzalilah binti Mohd Mokhtar, En. Yaswadi bin Mat Yasim


Setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih juga kepada semua yang telah terlibat secara langsung dan tidak langsung dalam menjayakan penerbitan Kamus KPI POLYCC 2025.

PENGESAHAN

**PENGESAHAN KAMUS KPI POLYCC 2025
JABATAN PENDIDIKAN POLITEKNIK DAN KOLEJ KOMUNITI
KEMENTERIAN PENDIDIKAN TINGGI**

**Disediakan oleh:
UNIT KECEMERLANGAN INSTITUSI
BAHAGIAN GOVERNAN DAN KECEMERLANGAN**

Disemak oleh:




.....

**SR. HAJI RAZALI BIN JOHARI
PENGARAH
BAHAGIAN GOVERNAN DAN KECEMERLANGAN
JABATAN PENDIDIKAN POLITEKNIK DAN KOLEJ KOMUNITI
KEMENTERIAN PENDIDIKAN TINGGI**

Tarikh: 12 Disember 2024

Disahkan oleh:



.....

**DATO' DR. HAJI MOHD ZAHARI BIN ISMAIL
KETUA PENGARAH PENDIDIKAN POLITEKNIK DAN KOLEJ KOMUNITI
KEMENTERIAN PENDIDIKAN TINGGI**

Tarikh: 12/12/24



KEMENTERIAN PENDIDIKAN TINGGI
JABATAN PENDIDIKAN POLITEKNIK DAN KOLEJ KOMUNITI

KAMUS KPI POLYCC 2025
JABATAN PENDIDIKAN POLITEKNIK
DAN KOLEJ KOMUNITI

Kementerian Pendidikan Tinggi,
Galeria PjH, Jalan P4W,
Persiaran Perdana, Presint 4,
62100 W.P. Putrajaya.
Tel.: 03 8888 2250
Fax.: 03 8888 7211



POLYCC Performance System 2.0
<https://app.mypolycc.edu.my/persistjppkk>

e ISBN 978-629-7548-26-5



9 786297 548265